

JILID 28

BILANGAN 4

OGOS 2013

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

# Wadah

0219

Meningkatkan Apresiasi Sastera

N  
ovelis Wanita Sabah:  
Sejarah dan Sumbangan



M  
emeras Akal dan Fikir ...  
- Noraini Haji Salleh

K  
onflik  
dalam *Tangis Buliga*

ISSN 0127-09653



## Datuk Hajah Noraini Datuk Seri Panglima Haji Salleh

oleh NOORZANANI HAJI KATA

**D**atuk Hajah Noraini Datuk Seri Panglima Haji Salleh dilahirkan di Kampung Buang Sayang, Papar pada 7 Mac 1945. Beliau mendapat pendidikan awal di SRK Papar dan St. Joseph, Papar sebelum melanjutkan pelajaran menengah hingga tingkatan lima di Maktab Sabah pada tahun 1958. Beliau telah melanjutkan pelajaran di United Kingdom dan memperoleh diploma dalam bidang pengurusan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Pengurusan Perniagaan di Australia.

Beliau telah menjawat beberapa jawatan iaitu sebagai penterjemah bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di Ibu Pejabat Polis Kepayan, kerani, juruhebah sambilan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) Kota Kinabalu, Pegawai Pelancongan dan Pegawai Perumahan. Jawatan terakhir sebelum bersara dari Perkhidmatan Awam ialah Pengurus Pentadbiran di Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar Sabah (LPPB).

Beliau mula menulis dan berkarya sejak 1960-an. Beliau banyak menghasilkan cerpen, sajak dan rencana sastera. Karya-karya beliau diterbitkan oleh akhbar-akhbar tempatan seperti *Sabah Times* dan *Daily Express*, di samping itu sajak-sajak beliau terdapat di dalam antologi sajak *Haram*, *Gema Lembah Kinabalu* dan *Siapakah Antara Kita*. Beliau sering menggunakan nama pena seperti Ami Sibra, Suming dan Suhaini S..

Beliau gemar membaca karya-karya Pak Hamka dan Chairil Anwar. Karya pertama beliau berupa cerita pendek telah disiarkan melalui Radio Sarawak pada tahun 1962. Sajak pertama beliau berjudul “Bumi Bertuah” yang bertemakan kehidupan yang dicipta melalui pengalaman beliau sendiri.

Dalam kegiatan berpersatuan pula, beliau bersama-sama rakan-rakan seperjuangan iaitu Jamdin Buyong (Datuk), Halik Zaman (Datuk), Harun Haji Salleh (Allahyarham), Mohd. Ahyar Nasution (suami beliau) telah menujuhkan Badan Bahasa Sabah (BAHASA) pada Mac 1970.

Selain itu, beliau juga aktif dalam kegiatan persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti Persatuan Kebajikan Kakitangan Awam Sabah (Perkis), Persatuan Tindakan Wanita Islam Sabah (Peristiwa), Persatuan Masyarakat Brunei Sabah dan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA).

Beliau juga pernah dilantik sebagai ahli *National Council of Women* (wakil negeri Sabah), Ahli Majlis Wanita Sabah, Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, dan Pengurus Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Negeri Sabah (2006 hingga kini).

Sebagai mengenang jasa beliau dalam perkembangan kesasteraan di Sabah, beliau dipilih sebagai penerima Penghargaan Penulis 1990 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Beliau juga merupakan penerima Anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah pada tahun 1999, Anugerah Budayawan (pada tahun 1990-an), dan Anugerah Maulidur Rasul pada tahun 2012.



**Ketua Editor**

Haji Jamaluddin Mohd Sulong  
(jamal@dbp.gov.my)

**Timbalan Ketua Editor**

Norjanah Yusof  
(norjanah@dbp.gov.my)

**Editor**

Noorzanani Haji Kata  
(nani\_k@dbp.gov.my)

**Sidang Editor**

Muziat Yusuf  
Mohd. Almiey Mohd. Ali

**Fotografi**

Logiman Juakim Gamad

**Pentadbiran**

Debbie Benjamin  
Hassan Hussin

---

**Ketua Pengarah**

Datuk Dr. Haji Awang Sariyan

**Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)**

Prof. Dr. Haji Zaharani Ahmad

**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**

Kamarul Zaman Shaharudin

---

*Wadah* diterbitkan sejak Oktober 1986. Hak Cipta Terpelihara. Karya yang dikirimkan kepada *Wadah* hendaklah merupakan tulisan sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana media cetak. Karya yang tersiar boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Sidang Editor berhak menyunting karya yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian *Wadah*. Segala sumbangan yang dikirimkan tidak akan dikembalikan. Sidang Editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirim.

Apabila mengirimkan sebarang karya, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat surat-menyerat yang tepat dan lengkap dengan poskad. Tanpa maklumat ini, karya yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila alamatkan karya anda kepada:

Editor *Wadah*,  
Unit Penerbitan, DBP Cawangan Sabah,  
Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

**DICETAK OLEH**  
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.,  
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial,  
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km. Jalan Tuaran,  
P.O.Box 20148, 88758 Luyang, Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel.: 088-387214 Faks: 088-384214 E-mel: pbrayakk@gmail.com

**REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN**  
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.

# KANDUNGAN

## DARIPADA KETUA EDITOR

Wirawati Pentas Penulisan

## FOKUS

Novelis Wanita Sabah:  
Sejarah dan Sumbangan  
**Rosnah Baharudin**

“Memeras Akal dan Fikir  
demi Melahirkan Penulisan yang Indah”  
**Noorzanani Haji Kata**

## PUISI

Api dalam Sekam  
**Abdul Nasir Haji Paisal**

Puisi buat Teman  
**Rozeline Vitalis**

Bicara Kita

**Dg. Mastura**

Orang Mengomel  
**Sabahudin Senin**

Nostalgia Hidup  
**FPA Perindu**

Perjuangan

**Norjetta Taisin**

Lorong-lorong Muthmainnah  
**Siba Nita AS**

Potret Sebuah Desa

**N.R. Rahim**

Kaku

**Khair Hudsufi**

Episod Hidup

**Norawi Haji Kata**

Suara Kita

**Juilis Mokujal**

Lebaran yang Mati

**Ismail Ag. Piut**

## RENCANA

Tanggapan terhadap Budaya Bangsa:  
Menginsafi sempena 50 Tahun

Pembentukan Malaysia

**Lokman Abdul Samad**

Konflik dalam *Tangis Buliga*

**Asmiaty Amat**

5

6

10

## CERPEN

Vanila Shah di Jambori 28

**Arni Majohn** 32

Pertentangan 32

**Mad Sakiran Haji Sulaiman**

12 Tangisan Sepi 36

**Welin Ebal**

12 Lubuk Perpisahan 42

**Jasman Bandar**

13

## ULASAN BUKU

26 Di manakah Maruah Orang Melayu? 48

**Zaharudin Abdul Rahman**

26

## ANALISIS PUISI PILIHAN

41 “Membaca” Tiga Puisi Pilihan 50

**Zaiton Ajamain**

41

## KEGIATAN

47 Dialog Borneo – Kalimantan ke-11 52

**Masmah Mohd Ali**

55 Festival Teater Pendek 2013 54

**Welter Micheal**

## ANALISIS CERPEN PILIHAN

14 Cerpen Gambaran Primer 56

**S.M Zakir**

18



## *Wirawati Pentas Penulisan*

**P**eranan wanita dalam pelbagai bidang dan kerjaya di negara kita khususnya, tidak pernah diketepikan oleh kerajaan. Malah, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak dalam ucapan beliau ketika salah satu persidangan wanita di Kuala Lumpur pada bulan Mei 2013 menegaskan pendirian kerajaan tentang usaha pemerkasaan peranan wanita dalam pelbagai ranah kehidupan serta kebebasan wanita menunjukkan potensi mereka hingga ke peringkat global. Kepentingan wanita telah diiktiraf oleh kerajaan dengan memberikan pelbagai anugerah kepada para wanita yang berjaya dalam pelbagai bidang. Signifikannya wanita dalam negara ini dibuktikan dengan sambutan Hari Wanita Kebangsaan pada setiap 25 Ogos sebagai hari khusus untuk menghargai golongan wanita.

Demikian, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai agensi yang diberikan amanah untuk mengimarahkan dunia penulisan dan kesusastraan di negara ini, sumbangan dan peranan penulis wanita menjadi salah satu agenda utama DBP. Melalui bengkel penulisan, peraduan dan program anak angkat sudah ramai penulis wanita yang berjaya dilahirkan oleh DBP. Bermula dengan penulisan dalam genre cerpen dan puisi, ramai penulis wanita di negeri ini yang telah memenangi pelbagai peraduan, hadiah penulisan dan anugerah sama ada pada peringkat negeri waima kebangsaan. Antaranya ialah Noraini Haji Salleh (Datuk), Azmah Nordin, Obasiah Haji Usman, Zaiton Ajamain, Dayang Salmah Salam, Rubiah Nordin, dan Sitti Rahmah G. Ibrahim. Penganugerahan *SEA Write Award* kepada Azmah Nordin pada tahun 2009, di Bangkok, Thailand dilihat sebagai kejayaan besar penulis wanita dari Negeri di Bawah Bayu ini.

Daripada penulisan yang mengekspresikan alam, budaya, kekeluargaan, agama, kasih sayang kepada penulisan yang bersifat avant-garde. Keunikan dan kelebihan penulis wanita dari Sabah ialah sosiobudaya daripada suku kaum di Sabah dijadikan sebagai elemen penceritaan yang digarap dalam penulisan mereka. Elemen tempatan ini menjadikan hasil penulisan mereka berbeza berbanding penulis wanita di Semenanjung. Kepelbagaian etnik yang tentunya memberikan kepelbagaian budaya, dan bahasa telah membawa rona-rona tempatan dalam penulisan mereka.

Alaf baru ini telah menyaksikan kebangkitan penulis wanita baharu yang berlatarbelakangkan pelbagai bidang pengajian seperti ekonomi dan sains. Antaranya ialah Noraini Osman, Kuniah Anthony Gilung, Ruhaini Matdarin, Rita Robert Rawantas (Pena Alam), dan Dayangku Mastura Pengiran Ismail. Mereka giat menulis dan menghantar karya kepada pelbagai penerbit.

Dalam keluaran *Wadah* kali ini, kami memfokuskan sumbangan dan peranan penulis wanita dari Sabah dalam mewarnai peta penulisan di negara ini. Sesuai dengan sumbangan besarnya dalam dunia penulisan di Sabah, tokoh penulis wanita yang menjadi pilihan kami pada keluaran kali ini ialah Noraini Haji Salleh.

DBP Cawangan Sabah akan terus merancang dan melaksanakan pelbagai kegiatan, bengkel dan peraduan untuk memastikan penulis wanita di Sabah terus giat berkarya dan menghasilkan karya-karya yang bermutu. Ibarat pepatah yang klise tetapi sangat sinonim dengan sumbangan wanita, “Tangan yang menggongcang buaian mampu menggongcang dunia,” demikianlah hasil penulisan penulis wanita di negeri ini, bukan sahaja memukau pembaca tetapi mampu memberikan nilai serta citra yang baik kepada negara.

Teruskan usaha, tingkatkan momentum, bulatkan tekad. Berkaryalah demi membina minda generasi baharu dan untuk memperkaya khazanah penulisan negara kita. Wirawati pentas penulisan, sumbangan mata pena anda biarlah berterusan seumpama air sungai yang mengalir tanpa henti.

---

Haji Jamaluddin Mohd Sulong

---

# Novelis Wanita Sabah: Sejarah dan Sumbangan

oleh ROSNAH BAHARUDIN

**P**engenalan terhadap penglibatan sebahagian besar novelis wanita Sabah dapat ditelusuri sejarah dan sumbangan mereka menerusi buku *Biografi Penulis Sabah* (2004) yang diselenggarakan penerbitannya oleh Hamzah Hamdani dan kawan-kawan. Buku ini menyenaraikan dan memaparkan seramai 144 orang penulis Sabah dan 33 orang daripadanya merupakan penulis wanita kreatif dan non-kreatif. Tetapi tumpuan makalah ini hanya kepada genre novel sahaja.

Sesungguhnya buku ini memberi informasi berguna dan penting kepada peneliti dan peminat sastera Sabah negeri di Bawah Bayu ini. Melalui buku ini juga dapat diterima fakta bahawa sama seperti di Semenanjung, penglibatan awal penulis wanita Sabah bermula dengan genre puisi dan cerpen. Antara tokoh penulis awalnya ialah Dayang Salmah Salam (lahir pada 24 November 1930) seorang pemberita sambilan pada peringkat awalnya telah mula menghasilkan cerpen pada tahun 1960. Menurut pengakuan beliau sendiri, penulis K.Bali (Allahyarham) pemberi galakan utama beliau menghasilkan cerpen yang kemudian banyak tersiar dalam akhbar-akhbar di Sabah seperti *Sabah Times*, *Borneo Mail*, *Daily Express*, majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah *Jendela Sabah* dan di radio RTM. Sebanyak 40 buah cerpen telah dihasilkan dan 25 buah daripadanya diterbitkan dalam kumpulan *Sewangi Bunga* (2004).

Selain Dayang Salmah, seorang lagi penulis wanita awal Sabah ialah Noraini Haji Salleh (lahir pada tahun 1945) yang sering menggunakan nama samaran Suhaini S.. Beliau banyak menghasilkan sajak yang disiarkan dalam akhbar *Sabah Times* dan *Daily Express*. Kebanyakan sajak beliau diterbitkan

**Sejak DBP Cawangan Sabah ditubuhkan pada tahun 1977, Biro Kesusteraan Borneo (*Borneo Literature Bureau*) yang sebelum ini giat menerbitkan karya-karya penulis Sabah dan Sarawak diserapkan dalam institusi ini. Sejak itu, institusi kerajaan ini memainkan peranan besar mengembang dan menyebarkan bahasa dan karya sastera di Negeri di Bawah Bayu ini termasuklah memajukan bakat ramai novelis wanita Sabah.**

pula dalam antologi *Haram, Gema Lembah Kinabalu, Siapakah Antara Kita*.

Sumbangan novelis wanita Sabah mula muncul pada awal 1980-an. Antara faktor penggalakan munculnya novelis wanita Sabah hingga kini ialah peranan DBP Cawangan Sabah yang ditubuhkan pada 1977. Semenjak itu institusi ini mengatur berbagai rancangan bagi menggalakkan para penulis menghasilkan karya, (untuk makalah ini ditumpukan pada genre novel sahaja). Antaranya menganjurkan bengkel-bengkel penulisan mulai awal 1980-an, seperti peraduan atau sayembara penulisan novel, Projek Anak Angkat dan kemunculan penerbit di luar Sabah (di Semenanjung). Empat faktor ini akan dibincangkan satu persatu yang dapat dianggap sebagai pendorong kepada penglibatan berterusan novelis wanita Sabah.

### Peranan DBP Cawangan Sabah

Sejak DBP Cawangan Sabah ditubuhkan pada tahun 1977, Biro Kesusasteraan Borneo (*Borneo Literature Bureau*) yang sebelum ini giat menerbitkan karya-karya penulis Sabah dan Sarawak diserapkan dalam institusi ini. Sejak itu, institusi kerajaan ini memainkan peranan besar mengembang dan menyebarkan bahasa dan karya sastera di Negeri di Bawah Bayu ini termasuklah memajukan bakat ramai novelis wanita Sabah. Antaranya ialah melalui Projek Penggalakan Penerbitan melalui Bengkel Penulisan Kreatif untuk genre novel, puisi dan skrip drama pentas. Projek ini bermula pada tahun 1981 dan diadakan di Kota Kinabalu. Penganjuran Bengkel Penulisan Kreatif bertujuan untuk mengasah bakat, menajamkan sensitiviti dan imaginasi untuk menulis. Bengkel-bengkel ini dianjurkan dengan kerjasama Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) serta persatuan gabungannya di seluruh Malaysia. Bakal-bakal penulis dibimbing oleh penulis berpengalaman, pensyarah kreatif dari beberapa universiti tempatan seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam pertemuan awal setiap peserta akan mendengar ceramah mengenai teori penulisan cereka dan dalam pertemuan-pertemuan berikutnya peserta berbincang dengan para pembimbing mengenai karya-karya yang mereka hasilkan. Hasil dari perbincangan, para peserta akan memperbaiki karya-karya mereka berdasarkan saran-saran para pembimbing (Hamzah Hamdani, 1983, Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah, *Dewan Sastera*, Januari: 13).

Banyak manuskrip novel telah berjaya dihasilkan oleh para peserta. Manuskrip yang berpotensi disunting, dibaiki dan diterbitkan. Ramai novelis wanita muda Sabah berpotensi mengikuti projek ini yang sebelum ini agak ketinggalan dari aspek penghasilan novel. Antara yang turut mendapat manfaat dari projek ini ialah Azmah Nordin, Obasiah Haji Usman, Sitti Rahmah G. Ibrahim yang seterusnya menghasilkan beberapa buah novel pada tahun-tahun seterusnya.

Bengkel Penulisan Novel telah diadakan beberapa kali di Kota Kinabalu dan Sandakan.

Bengkel-bengkel ini sangat penting kerana memberi peluang pemupukan bakat kepada pengarang-pengarang muda khususnya. Antara pengarang muda yang mendapat banyak manfaatnya ialah Azmah Nordin penerima *SEA Write Award* pada tahun 2009. Mengenai perkara ini beliau mengakui, "... saya memasuki bidang sastera dengan menyertai pelbagai bengkel penulisan dan dibimbing dengan sempurna (*Tunas Cipta*, Mei 2005: 3). Azmah Nordin seterusnya muncul sebagai novelis novel kanak-kanak, novel remaja dan novel dewasa di samping terus menghasilkan cerpen. Dari segi kuantiti dan kualiti, Azmah Nordin dapat diterima sebagai novelis yang paling berjaya mencipta nama dalam bidang kesusasteraan Malaysia. Bagi novel dewasa, kanak-kanak, remaja dan cerita rakyat Sabah beliau telah menghasilkan 47 buah semuanya (*Laporan Azmah Nordin Penerima SEA Write Award Malaysia 2009*, 2009: 18-19).

Selain Azmah Nordin sebagai novelis wanita Sabah, Obasiah Haji Usman turut mengakui, "Barangkali kerana selalu mengikuti bengkel penulisan yang dianjurkan oleh DBP, saya terdorong untuk menulis novel" (*Wadah*, Jun 1993: 6). Pengakuan ini dibuat ketika ditanya kenapa beliau lebih gemar menghasilkan novel dibandingkan dengan genre cerpen. Selain novel dewasa, Obasiah juga menghasilkan novel remaja.

### Peraduan atau Sayembara Penulisan Novel

Selain kepentingan bengkel-bengkel penulisan yang dianjurkan oleh DBP Cawangan Sabah, didapati dorongan menyertai pelbagai sayembara yang dianjurkan oleh pelbagai kerajaan negeri, persatuan penulis seperti GAPENA dan agensi swasta turut memainkan penting kepada novelis wanita Sabah. Pada 1980-an terdapat komitmen pihak swasta seperti Esso dan institusi bank, Yayasan Sabah turut menyumbang hadiah termasuk membayai pentadbiran, pengelolaan bagi menjayakan beberapa sayembara. Walaupun pelbagai sayembara ini menimbulkan banyak pro dan kontra tentang ketulenan tujuan penulisan dalam kalangan penggiat dan peminat sastera, namun ternyata aktiviti ini berjaya menarik banyak penyertaan dan sekali

gus menambah bilangan novel di Malaysia. Di samping itu, tidak dapat dinafikan bahawa sayembara mampu meningkatkan mutu novel yang dihasilkan.

Negeri Sabah turut mengembangkan genre novel dengan menganjurkan berbagai peraduan khas untuk rakyat negerinya mulai 1980-an. Antaranya peraduan menulis novel yang dianjurkan oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah dan DBP Cawangan Sabah sendiri. Terdapat beberapa orang novelis wanita memenangi hadiah dalam peraduan-peraduan itu. Antaranya Obasiah Haji Usman melalui novel *Malina* (1982) telah memenangi hadiah tempat ketiga dalam Peraduan Menulis Novel anjuran Jabatan Ketua Menteri. Novel beliau yang berjudul *Bertaut* (1988) memenangi hadiah ketiga Peraduan Menulis Novel sempena 20 tahun Sabah merdeka yang dianjurkan oleh DBPCawangan Sabah.

Seorang lagi novelis wanita Sabah yang paling banyak memenangi hadiah melalui peraduan ialah Azmah Nordin. Novel beliau yang berjudul *Kukui* (1990) telah menerima hadiah penghargaan peraduan mengarang novel anjuran DBP Cawangan Sabah pada tahun 1986. Novel *Dari Dalam Cermin* (1992) merupakan pemenang hadiah pertama Peraduan Menulis Novel 1989 anjuran Kerajaan Negeri Sabah sempena 25 tahun Sabah merdeka. Novel ini telah memenangi Hadiah Sastera Sabah 1992/1993.

Sabah merupakan negeri yang menganjurkan Hadiah Sastera Sabah. Novel Azmah Nordin berjudul *Dukanya Abadi* (1988) telah memenangi Hadiah Sastera Sabah yang pertama. Pada tahun 1992 novel beliau yang berjudul *Menongkah Lumrah* memenangi Hadiah Pertama Peraduan Menulis Novel anjuran DBP Cawangan Sabah pada tahun 1992 dan diterbitkan empat tahun kemudian.

Memenangi berbagai peraduan menulis novel ternyata menggalakkan Azmah Nordin untuk terus menghasilkan novel. Novel beliau berjudul *Singgahmata* (1997) memenangi hadiah sagu hati Hadiah Novel Baru Perangsang-GAPENA. Novel beliau berjudul *Syumul* (1999) pula memenangi hadiah istimewa Peraduan Esso-GAPENA 1994.

Azmah Nordin juga menghasilkan novel berjudul *Mega Nissa* (2005). Novel beliau

berjudul *Lara* (2012) dihasilkan setelah beliau dinobatkan sebagai penerima anugerah *SEA Write Awards* di Bangkok, Thailand pada 2009. Jika diteliti, beliau menyertai seterusnya memenangi beberapa peraduan menulis novel pada peringkat awal penglibatan beliau dalam bidang penulisan. Semua itu memainkan peranan penting dalam penghasilan karya yang bermutu. Beliau juga menulis banyak novel remaja dan menulis cerpen yang menjadi kriteria penting beliau dipilih untuk menerima anugerah *SEA Write Award*.

Peraduan Menulis Novel sempena 40 tahun Sabah Merdeka melalui Malaysia anjuran DBP Cawangan Sabah dan Majlis Bahasa dan Sastera Sabah telah diadakan pada tahun 2003. Beberapa novelis Sabah yang memenangi walaupun hanya mendapat hadiah sagu hati (tidak ada hadiah utama yang dimenangi). Antaranya ialah novel *Gendala* (2006) oleh Noraini Osman. Seterusnya wanita muda ini (lahir pada tahun 1974) turut memenangi hadiah sagu hati Sayembara Mengarang Novel sempena Perayaan Jubli Emas DBP pada tahun 2006. Novel itu ialah *Kembali Sebutir Mutiara* (2007). Seperti beberapa novelis wanita Sabah yang lain beliau turut menghasilkan novel remaja.

### Projek Anak Angkat

Projek ini diwujudkan dengan hasrat untuk menggalakkan penulis muda Sabah menghasilkan karya kreatif dalam pelbagai genre. Pemilihan ini diadakan setiap tahun (tidak diketahui tarikh/tahun akhirnya). Dalam projek ini seorang penulis muda yang berpotensi dipilih bagi menghasilkan novel dibawah seorang pembimbing yang dilantik oleh DBP Cawangan Sabah. Pembimbing ini terdiri dari pengarang terkenal atau pengkritik yang berwibawa dalam bidangnya. Projek ini memberi pulangan yang pasti kepada DBP Cawangan Sabah kerana setiap penulis Anak Angkat dapat menghasilkan dan menyelesaikan kerja-kerja penulisan mereka.

Antara penulis Anak Angkat ini ialah Obasiah Haji Usman yang menjadi Anak Angkat pada tahun 1986 (*Biografi Penulis Sabah*, 2004: 103). Hasilnya ialah novel *Pungkad* (1989). Seorang lagi penulis wanita

muda yang mendapat peluang baik ini ialah Sitti Rahmah G. Ibrahim. Beliau mendapat bimbingan daripada Dr. Othman Puteh pada tahun 1988. Penulis ini mendapat bimbingan dalam genre cerpen. Novel *Seluang Melaut* karya Welin Ebal (lahir pada tahun 1967) seorang penulis yang berpotensi telah dihasilkan dari projek Anak Angkat ini iaitu di bawah bimbingan Dr. Rosnah Baharudin. Welin sebelum ini telah menghasilkan novel tentang etnik Kimaragang iaitu *Pelangi Kehidupan*, novel kanak-kanak dan cerpen.

Sewajarnya projek Anak Angkat DBP Cawangan Sabah ini perlu ditelusuri dengan lebih terperinci dan diteliti semula kerana sedikit sebanyak turut membawaikan hasil seperti dihasratkan oleh DBP. Bagi golongan novelis wanita projek ini turut menyumbang ke arah penglibatan berterusan dari novelis-novelis yang terlibat.

### Penerbit Luar Sabah

Dari perbincangan dalam makalah ini, didapati kebanyakan novel karya novelis wanita Sabah diterbitkan oleh DBP tetapi mulai 1990-an sejarah menyaksikan bertambahnya penerbit-penerbit swasta di Semenanjung Malaysia. Penerbit-penerbit itu banyak menerbitkan novel yang dikategorikan sebagai novel popular yang sesuai dibaca oleh golongan remaja kerana temanya berlegar kepada persoalan cinta dengan watak-wataknya terdiri daripada golongan muda-mudi. Antara penerbit itu ialah Creative Enterprise, Rhythm Publishing, Cerdik Publishing, Alaf 21, Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBN) yang menerbitkan novel-novel serius dan karya terjemahan dari luar negara dan menterjemah novel Malaysia ke bahasa Inggeris dan lain-lain lagi. Pertambahan bilangan penerbit itu sekali gus turut memberi manfaat kepada ramai novelis wanita Sabah termasuklah Jessy Mojuru yang menghasilkan novel *Bahang Asmara* (2003), *Hanya Kota Segalanya*, *Gerhana Kasih* (2004), *Tangisan di Pusara* (2004), *Mayang Sari* (2004). Novel-novel Jessy Mojuru ini banyak diterbitkan oleh dua penerbit yang awal itu.

Novel Sitti Rahmah G. Ibrahim berjudul *Mengusai Impian* (2007) diterbitkan oleh Cerdik Publications, Shah Alam. Sebelum itu

novelis ini telah menghasilkan novel *Hijrah* (1988). Beliau juga menghasilkan beberapa buah novel remaja dan genre cerpen. Selain Sitti Rahmah seorang lagi novelis wanita muda Sabah yang mencipta nama dalam bidang penulisan novel ialah Amelly Ann Kising. Seperti novelis lain, beliau juga menghasilkan cerpen, novel kanak-kanak dan novel remaja seperti *Natalia* (2001) dan *Halimunan* (2001) yang diterbitkan oleh DBP Cawangan Sabah. Pada tahun 2001 novel remaja beliau yang berjudul *Nur Hatiku* diterbitkan oleh penerbit Novel House, Kuala Lumpur.

Pada 2012, di tangan seorang lagi novelis wanita muda Sabah iaitu Badariah Arbin telah menghasilkan novel berjudul *Jalan Lain Ke Lazuardi* yang diterbitkan oleh ITBN. Novelis muda ini mengangkat kehidupan etnik Sungai di sebuah perkampungan kecil di Beluran, Sabah. Watak seorang wanita muda berusaha memajukan kehidupan dan ekonomi penduduk kampung itu yang selama ini terbiar walaupun mendapat tantangan dari pemimpin lama kampungnya itu.

Sejarah dan sumbangan novelis wanita Sabah dapat dirumuskan bahawa sumbangan mereka berterusan walaupun perlahan dan tidak melibatkan ramai novelis. Sewajarnya bakat-bakat baharu perlu dicungkil secara tetap bukan berkala. Walaupun ramai antara novelis itu turut menghasilkan genre lain dan menang banyak peraduan dan Hadiah Sastera Sabah tetapi perkembangan novelis wanita masih perlahan. Potensi bakat-bakat baharu perlu diberi perhatian dan dapat bimbingan berterusan dari pihak DBP sendiri seperti melalui bengkel-bengkel penulisan yang dapat membangkitkan semangat dan sekali gus menggalakkan novelis baharu untuk terus menghasilkan novel yang berkualiti. Kehidupan kepelbagai etnik Sabah perlu dieksplor sepenuhnya kerana itulah keistimewaan rakyat Sabah yang tidak dimiliki oleh negeri lain selain Sarawak. Program khas untuk menyuburkan potensi itu perlu dirancang lebih agresif walaupun sudah terbukti kejayaannya terutama pada masa kini yang kepentingan sastera dalam negara Malaysia ini didapati semakin malap tetapi perlu disegarkan dan digilap sepanjang masa demi kelangsungan genre novel di tangan novelis wanita Sabah. **W**

# “Memeras Akal dan Fikir demi Melahirkan Penulisan yang Indah”

## - Noraini Haji Salleh

oleh NOORZANANI HAJI KATA

**N**oraini Haji Salleh (Datuk) merupakan penulis yang tidak asing lagi di negeri Sabah. Beliau antara penulis wanita yang telah merancakkan dan menyemarakkan lagi persada penulisan karya kreatif di negeri Sabah. Penulis (NK) telah mengemukakan beberapa soalan kepada Noraini Haji Salleh (NHS) untuk berkongsi pengalaman beliau dalam bidang penulisan.

**NK:** Apa perkembangan terkini Datuk, masih menulis?

**NHS:** Ya masih menulis puisi, tetapi tidak seaktif dulu.

**NK:** Datuk merupakan salah seorang tokoh penulis wanita yang berkaliber. Apa yang mendorong Datuk untuk menulis?

**NHS:** Pengaruh daripada pembacaan, serta keinginan menyampaikan mesej melalui penulisan. Saya mengharapkan pembaca boleh berfikir berdasarkan teguran dan mesej yang disampaikan.

**NK:** Apakah genre penulisan yang Datuk minat, mengapa?

**NHS:** Puisi dan cerpen. Melalui puisi kita oleh bermain dengan bahasa yang dinukilkkan dengan “halus” lalu menghasilkan karya yang indah dibaca di samping boleh dimengerti oleh kumpulan sasar. Misalnya karya mengenai kehidupan dan rintihan rakyat yang serba kekurangan dan dalam kesusahan. Melalui cerpen, saya mengharap pembaca berfikir untuk memperbaiki diri dan keadaan sekitar.

**NK:** Apakah tema yang sering Datuk ilhamkan dalam karya Datuk?

**NHS:** Kemanusiaan dan keagamaan.

**NK:** Sudah menjadi lumrah setiap insan mempunyai tokoh yang dikagumi dalam hidup. Siapakah tokoh yang Datuk kagumi, mengapa?

**NHS:** Ayah saya sendiri, kerana beliau kuat bekerja, tegas, warak dan prihatin kepada orang lain. Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau sangat prihatin kepada bangsa Malaysia, berwawasan, berfikiran global dan berpandangan jauh demi ummah terutama bangsa Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad sangat bijak, pintar dan memiliki pemikiran yang tajam.

**NK:** Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sepanjang penglibatan Datuk dalam dunia penulisan?

**NHS:** Dipanggil menghadap “bos besar” semasa bertugas di Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Kepayan dan pada masa yang sama aktif menulis. Saya dipanggil dan diminta untuk membuat pilihan antara aktif dalam penulisan atau kekal dalam tugas. Saya diam tanpa memberi jawapan dan hampir satu jam “setia” mendengar “lecture” bos besar itu. Namun, kerana jiwa muda yang tidak suka tunduk kepada ugutan dan arahan, saya terus juga menulis. Saya terus menulis dan aktif dengan Persatuan Penulis (PERPESA) sehingga saya dipilih mengikuti kursus *Native Tutorial* khas untuk staf bumiputera, dengan bergaji penuh selama 2 tahun.

**NK: Apakah pendapat Datuk dengan perkembangan penulisan masa kini sebagai penyumbang kepada pembangunan minda masyarakat atau sebagai suara sumbang yang lantang dilaung-laungkan tanpa matlamat yang jelas, bolehkah Datuk memberi sedikit pandangan tentang isu ini?**

**NHS:** Penulis masa kini lahir pada zaman yang serba ada iaitu kedudukan masyarakat di peringkat yang sudah melepas zaman “kekurangan”. Justeru itu, kepincangan yang wujud amat minima atau tiada sama sekali. Oleh itu, penulis tidak perlu berfikir mencari kepincangan. Namun demikian, penulis kini ada kekuatan sendiri sesuai dengan zaman “mewah” mereka dilahirkan seperti mereka ada kemudahan mempertajamkan fikiran melalui pembacaan, seminar/bengkel dan pendidikan. Mereka mempunyai banyak kemudahan meningkatkan ilmu dan mengasah bakat melalui banyak media yang disediakan hasil daripada kemajuan negara berbanding orang seperti kami yang berkarya pada zaman yang serba kekurangan. Oleh itu, bahan untuk dijadikan olahan dalam karya kami jelas dan kami memeras akal dan fikir demi melahirkan penulisan yang indah dengan sasteranya tetapi ada nilai-nilai “kebenaran” seperti terdapat daripada sajak saya berjudul “Nyanyi dari Desa”. Pada masa itu, di kampung-kampung ramai yang hidup dalam kemiskinan kesan daripada penjajahan. Penulis masa kini menulis dalam suasana aman dan sejahtera. Mereka juga memiliki nilai sesuai dengan zaman mereka dan orang dulu juga punya nilai yang relevan - ada miskin, susah, duka dan penuh dengan kepayahan hidup, cuma sedikit yang senang. Itulah yang membezakan zaman pra penjajahan dan selepas merdeka. Kita pada tahap yang meraih kesenangan itu walaupun ada juga lompong-lompong kepayahan dalam kalangan masyarakat (lazim di mana-mana di dunia ini). Penulis sekarang amat beruntung kerana segala kemudahan ada, dan mereka ada ganjaran. Kami dahulu tiada ganjaran kecuali kalau cerpen dihantar ke radio bayarannya hanya RM15.00 satu cerpen. Namun begitu, saya puas jika karya tersiar di dada akhbar. Satu

kepuasan yang tidak ternilai walaupun tidak mendapat bayaran. Penulis sekarang boleh bergantung kepada penulisan jika rajin (menulis novel misalnya). Saya kagum mengikuti perkembangan karya-karya penulis masa kini yang terus berusaha menghasilkan ciptaan-ciptaan yang bermutu dalam karya mereka. Mereka sangat produktif.

**NK: Apakah karya Datuk yang memberi kesan kepada Datuk hingga kini, mengapa?**

**NHS:** Sajak “Nyanyi dari Desa”. Dengan penghasilan puisi ini, ayah saya (seorang pemimpin yang amat disanjung pada waktu itu - zaman USNO) menitipkan pesan kepada saya dan beliau meminta agar saya tidak terlalu “ghairah” menulis puisi tajam seperti itu.

**NK: Apa pendapat Datuk tentang perkembangan penulis wanita di Sabah?**

**NHS:** Mengagumkan. Mereka produktif dan konsisten berkarya seperti Azmah Nordin, Kathrina Susanna Tati, dan yang lain-lain. Mereka sering mendapat anugerah dan itu tandanya karya mereka berkualiti.

**NK: Apakah harapan dan kata-kata semangat Datuk kepada golongan penulis yang baru sahaja berkecimpung dalam dunia penulisan?**

**NHS:** Penulis baharu memiliki segala-galanya, infrastruktur untuk berkarya. Penulis baharu ada pendidikan dan pendedahan yang cukup luas. Teruskan dengan nukilan dan pengamatan anda untuk membangunkan ummah. Melalui karya, anda boleh menyumbang ke arah perpaduan bangsa Malaysia. Bangunlah mengakrabkan silaturahim dan muhibah. Bangunkan bangsa Malaysia supaya menjadi bangsa yang kaya dengan kasih sayang, membangun secara fizikal, mental dan rohani. Bantu mencipta bangsa Malaysia yang berbudi dan berakhhlak mulia, berlapang dada, cemerlang dunia dan akhirat. Insya-Allah saya doakan anda semua berjaya dunia dan akhirat.

Amin. **W**

### Api dalam Sekam

*Jika benar sekeping hati  
dihiris, dicincang, dirobek, dan disakiti  
punah dan sirnalah susu sebelanga  
dik petualang menabur sengketa.*

*Jika benar jari-jemari  
dikerat-kerat rapi disimpul mati  
kelak tangan dan mata-matanya  
kesaksian perwira mewangi  
di maqam syuhada.*

*Jika benar sejarah  
dijadikan sandiwara,  
nyawa dan keamananlah  
nilai taruhannya.*

*Usahlah kita bereksperimen  
untuk merubah sejarah silam  
untung-rugi menghancurkan  
umpama 'api dalam sekam'.*

Abdul Nasir Haji Paisal



### Puisi buat Teman

*Salam untukmu teman  
yang menganyam  
sutera kasih atas kepayahanku,  
aku bertatih umpama di atas bara api  
dalam meniti titian kehidupan ini,  
kauumpama sebutir permata  
kutemui di celah pasir yang  
berkilauan  
membuat aku tersilau oleh kebaikan  
hatimu yang tulus.  
Namamu akan terus mekar  
di taman hatiku  
walau musim demi musim berganti  
tetap abadi dalam kenangan  
akan gemerlap bersinar  
di relung hatiku,  
lantaran itu  
tiada ucapan seindah bahasa hanyalah  
ucapan terima kasih buatmu  
doaku semoga hidupmu dirahmati  
Yang Maha Esa.*

Rozeline Vitalis

Bicara Kita

*Petang itu  
kita berbicara tentang dunia kita yang kecil ini  
dunia yang kecil dengan penghuni kerdil berjiwa besar  
sambil mengeluarkan duri dari kata-kata.  
Kita berbicara tentang keruhnya hati kawan  
juga tentang bau busuk mulut mereka  
menghakimi makna bersih dan jernih.*

*Adakah sebenarnya hati kita yang kotor  
berbicara serupa pada dinding  
menangis dalam hati  
berdusta tentang kasih?*

*Hati kita mungkin  
sebenarnya yang memahat hasad pada wajah bulan separuh tua.  
Lalu lebih baik kita diam sahaja, sesepi maut.*

Dg. Mastura

Orang mengomel

*Katamu, kau terlalu perasa sejak dinihari  
segala yang dilihat seakan tak mempedulikan  
tentang mendung yang berlabuh di sukmamu.*

*Di tepi sungai kau berdiri melihat air mengalir  
lalu kau terasa dan berkata, 'Mengapa air sungai  
yang mengalir itu tak mengalir ke dalam nadinya.'*

*Kau mengomel sendiri, menuruni lembah gunung  
memandang keindahan rimbunan hijau. Kau diam,  
berbisik, 'Yang kulihat selalu tak sama, kau rasakan.'*

*Dalam kamar di atas ranjang tidur, sekalipun  
rembulan penuh telah duluan menyapanya  
ia merasakan dirinya terpenjara dalam kegelapan.*

Sabahudin Senin



# Tanggapan terhadap Budaya Bangsa: Menginsafi sempena 50 Tahun Pembentukan Malaysia

oleh LOKMAN ABDUL SAMAD

Guru penulis pernah berpesan, istilah budaya adalah untuk yang baik-baik sahaja. Tetapi apabila media massa melaporkan tajuk berita seperti budaya rempit, budaya pelacuran, budaya akademik, dan budaya Melayu, penulis tertanya-tanya adakah guru penulis yang keliru berkaitan isu ini. Budaya akademik tentulah baik tetapi bagaimana pula dengan budaya merempit? Adakah media yang tidak jelas atau budaya bangsa kita memang demikian. Ambil mudah, mengalah dan tidak kisah, “tak apalah dan biarlah, perkara kecil sahaja usah dibesarkan-besarkan”. Jika demikian budaya kita, itu menunjukkan baiknya budi orang kita yang sering mengalah dan memaafkan, dan tanda bangsa kita mempunyai peribadi yang baik.

Kini guru merangkap ayahanda penulis sudah pun berumur 80 tahun, masih mengingatkan pesanan yang sama semasa beliau berumur 50 tahun lalu, bahawa niat yang baik terbit daripada pola fikiran yang baik, dan akhirnya akan menjadikan perbuatan itu baik. Namun, usah berharap pada balasan kebaikan akan diperoleh dengan kebaikan yang telah diberikan. Bermakna untuk menjadikan perbuatan itu kekal baik, teruskanlah berbuat baik biarpun ada sebahagian besar manusia tidak menghargainya.

Adakah rupa budaya bangsa negara ini sematang usia beliau 50 tahun? Atau masih mentah dan sedang keliru mencari-cari arah tuju.

Kita ambil mudah dengan pemahaman istilah budaya, terlalu banyak kekeliruan atau

salah faham yang timbul terutama pengamal media yang merujuk perbuatan merempit yang tidak beradab itu sebagai sebahagian daripada budaya.

Menyebut tentang budaya, lazimnya kita terlepas pandang bagaimana cara pemikiran bumiputera Sabah dan Sarawak dalam kehidupan sehari-hari mereka, iaitu lumrah ditemui keluwesan budaya hidup seiring tingginya semangat perkongsian, cenderung menerima kepelbagaiannya beragama dengan adanya penganut Islam, Kristian, Hindu dan Buddha dalam sebuah rumah. Budaya dalam sebuah rumah dengan pelbagai agama sesuatu yang amat jarang diamalkan di Tanah Semenanjung. Tentulah pelik bagi masyarakat Melayu Islam Semenanjung bila berhadapan dengan situasi ini, rasanya majoriti akan menentang dengan dalil-dalil agama menurut persepsi, logik dan kefahaman peribadi mereka sendiri.

Inilah inti pati budaya iaitu pemikiran yang baik diamalkan dengan perbuatan yang baik. Menginsafi 50 tahun Sabah dan Sarawak bergabung membentuk negara Malaysia, rupa budaya bangsa peribumi terbukti tinggi toleransinya, tetapi tidak pula dianggap sebagai percitraan kebudayaan masyarakatnya. Kita wajar mengiktiraf sumbangan pemikiran budaya peribumi Sabah dan Sarawak serta harus sedia meneladaninya dalam asas pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Terdapat ratusan takrifan budaya tetapi majoritinya pemahaman kita ialah budaya sama sahaja maksudnya dengan hiburan. Gara-

gara budaya disinonimkan dengan hiburan, kedengaranlah jeritan batin untuk menghalalkan semua tindak-tanduk mereka atas nama orang seni.

Kepandiran golongan yang mengaku seniman inilah yang menambahkan kekeliruan masyarakat awam tentang budaya kerana perbuatan serong mereka menghalalkan segala sesuatu perbuatan atas nama seni. Jika seniman setengah masak ini mahu hidup bebas seperti tidak mandi seminggu, menyalahgunakan dadah, mengamalkan seks bebas seperti lesbian dan homoseks, berpakaian seperti Tarzan yang tidak cukup kain, ini adalah persoalan peribadi yang sama sekali tidak ada kena mengena dengan seni apa lagi sebagai budaya orang seni. Bercakap tentang seni iaitu cara untuk berhibur umumnya difahami demikian kerana keindahan itu memang seronok dan menghiburkan hati. Bagi penulis, takrifan seni yang merujuk kepada keindahan hanya bagi memudahkan pemahaman pelajar calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Dan jika anda berumur 20, 30 atau 50 tahun, tentulah lebih ke hadapan, jauh lebih maju dalam mentakrifkan seni dan budaya, dan tidak lagi berfikir seperti calon UPSR. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang mengaku seniman yang terlibat secara langsung dalam bidang seni seperti guru, pensyarah, aktivis, pelakon, penyanyi, pelukis atau pemuzik.

Seni bukan hanya sekadar hiburan, malah tugas mendidik pelajar dengan medium seni hanyalah alat untuk melahirkan warganegara Malaysia yang kreatif dan inovatif, maju daripada aspek mental dan spiritualnya. Tentulah amanah ini berat lebih-lebih lagi bagi mereka yang berada di institusi pendidikan tinggi kerana mereka sudah terlalu keliru dengan budaya popular yang berpaksikan seni dan budaya untuk berhibur semata-mata. Setelah setengah abad merdeka, kita lebih lelah dan jemu dengan terlalu banyaknya hiburan yang telah disogokkan.

Fakulti Pengajian Seni diwujudkan atas kesedaran kerajaan tentang peri pentingnya pembentukan pemikiran masyarakat. Dengan

kata lain, pengkajian seni ialah manifestasi tentang kesungguhan negara untuk menyediakan warganya agar lebih kreatif dan inovatif dalam mengurus aktiviti seni dan budaya negara. Mudahnya, pemikiran kita yang harus cuba diubah selaras dengan sistem pendidikan. Setelah 50 tahun merdeka, Sabah tidak memerlukan institusi akademik untuk memperbanyak hiburan kerana tugas ahli akademik bukan untuk melahirkan pemuzik atau penari, pelakon atau cerpenis. P. Ramlee tidak pernah mendapat pendidikan formal dalam bidang seni untuk menjadi seniman agung atau penghibur antarabangsa.

Tidak cukupkah hiburan yang sudah berlambak-lambak sekarang ini? Sehingga golongan akademik tergil-agilakan populariti dan kehidupan sensasi iaitu untuk seorang penghibur. Mereka wajar diberi pilihan menjadi ahli akademik atau artis? Setelah setengah abad merdeka, kita harus meneliti semula Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan mengkaji pelaksanaannya. Literasi budaya kita menjadi tidak menentu malah selalu keliru dalam mentakrifkan seni dan budaya sebagai hiburan semata-mata.

Adakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah menjadi rujukan arah tuju pembentukan watak (karakter) bangsa Malaysia. Berandaian bahawa dengan menjadikan budaya peribumi sebagai asas dalam pembentukan peribadi watak bangsa Malaysia, 50 tahun merupakan masa yang sudah cukup matang. Hal demikian diperkuuhkan lagi dengan jaminan seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Negara, perkara 153, fasal (2), (3) dan (4) dan Fasal 5, 6, 7, 8(a) (b) (c); Perihal kedudukan istimewa Orang Melayu/Bumiputera dan Kepentingan sah kaum-kaum lain. Budaya peribumi yang disebutkan dalam perlembagaan ini berdasarkan pemerkasaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Menyebut bahasa serentak dengan budaya kerana bahasa jiwa bangsa, tanpa budaya tiadalah bahasa. Sejujurnya kita harus mengakui bahawa budaya peribumi begitu bertentangan dengan kemasukan budaya asing. Orang Melayu

bumiputera ialah pemilik asal negara ini, terkenal dengan memiliki falsafah budaya berbudi iaitu mudah berkongsi menandakan sikap tolak ansur yang tinggi, terutama kepada golongan masyarakat pendatang. Menghormati tetamu ialah adat turun-temurun budaya peribumi, dan sikap mementingkan diri sendiri dan kelompok kaum sendiri adalah nilai asing yang amat berlawanan dengan sikap peribumi. Dilihat pada monopolii peluang bermiaga, pendidikan dan politik jelas dalam Dasar Ekonomi Baru yang memperuntukkan 60 % kekayaan Malaysia untuk bukan bumiputera sedangkan hakikatnya 60% penduduk Malaysia ialah orang Melayu bumiputera. Tentulah kaum peribumi di mananya negara di dunia ini diberikan majoriti atau prioriti sebagai pengiktirafan pemilik asal negara sesebuah negara. Tetapi sifat toleransi kaum peribumi yang terlalu tinggi dengan sentiasa reda biarpun kini tidak sampai 30% pun pemilikan peribumi. Namun, peribumi tidak kisah asalkan keharmonian kaum terpelihara.

Apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan untuk mewujudkan suasana keharmonian kaum dan agama di samping bertujuan mengiktiraf kedudukan istimewa bahasa dan budaya peribumi, tidak masuk akal bagi sesiapa pun jua warganegara Malaysia hari ini untuk memperlekehkan dan mempermudahkan Perlembagaan Negara, dokumen tertinggi undang-undang Malaysia. Barangkali elok diperturunkan pernyataan Dasar Kebudayaan Kebangsaan untuk rujukan bersama:

(i) *Dasar Kebudayaan Kebangsaan menyatakan bahawa berteraskan kepada Kebudayaan Rakyat Asal rantau ini yang merangkumi kawasan Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Oceania) hingga Malagasi adalah merupakan bahagian utama dari kawasan tamadun atau budaya Melayu. Rantau ini merupakan pusat pemancaran,*

*pengembangan dan warisan Kebudayaan Melayu sejak zaman berzaman dan ditandai pula oleh kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa (lingua franca). Kebudayaan serantau ini digambarkan oleh persamaan-persamaan dalam bidang bahasa yang berasaskan keluarga bahasa Melayu - Austronesia, kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadiannya. Budaya Melayu pada hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti dan asas ukuran keperibadian kepada lebih 200 juta umat manusia yang menuturkan satu rumpun bahasa yang sama. Dengan yang demikian, kebudayaan rakyat asal rantau ini dalam pengertian sempit atau luasnya kebudayaan Melayu telah dijadikan teras kepada Kebudayaan Kebangsaan.*

(ii) *Unsur-unsur Kebudayaan Lain Yang Sesuai dan Wajar boleh diterima Kebudayaan sebagai sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan. Prinsip ini bertepatan dengan situasi penduduk berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya. Dengan itu unsur-unsur budaya Cina, India Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai dan wajar diberi penimbangan dan penerimaan dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Kesesuaian penerimaan dalam penyerapan ini adalah bergantung kepada tidak wujudnya percanggahan dengan Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukun Negara dan kepentingan nasional serta asas-asas moral dan kerohanian sejagat pada amnya dan pada Islam sebagai agama rasmi negara khasnya.*

(iii) *Islam Menjadi Unsur Yang Penting Dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan - Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlaq dan berperibadi mulia.*

*Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbang dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal dan kerana itu patut menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan memandangkan kedudukannya sebagai agama rasmi negara, di samping telah wujudnya fakta sejarah dan nilai-nilai Islam yang telah sedia didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini. Ketiga-tiga prinsip asas di atas adalah melambangkan penerimaan gagasan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971.*

Maka benarlah kata hukama, sebatang pena lebih tajam daripada sebilah pedang, kerana hasil tulisan dapat menerbitkan kesan kepada kebaikan atau kehancuran. Pada era milenium, penulisan siber menjadi wadah pengisian masa lapang anak muda. Disebabkan memiliki akses yang mudah, murah dan cepat, penulis siber bertambah berkali ganda pada akhir dekad ini. Siber dipilih antara lain ialah didorong oleh respons pantas kawan-kawan yang memberikan komentar terhadap bahan yang diluncurkan di dalam Internet sama ada menyukainya atau menambah provokasi.

Setelah krisis perkauman 13 Mei 1969, anak-anak yang lahir pada pasca insiden hitam tersebut kurang memahami erti sebuah toleransi. Pengorbanan hak istimewa golongan peribumi dianggap remeh dan tidak dihargai, malah bangsa kita sering diserang dari pelbagai sudut. Sejak Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dihapuskan, golongan penghasut bangsa muncul secara terang-terangan di dalam laman sosial. Penulis siber mengambil kesempatan, setelah pengganti Tun Dr. Mahathir Mohamad memberikan mereka cukup peluang untuk menulis semahu-mahunya. Agak keterlaluan apabila perkara sensitif yang ditimbulkan dan menunjukkan kita masih belum matang. Tetapi sayangnya belum ada satu pun daripada mereka ini dihadapkan di bawah undang-undang menderhaka kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diadili. Generasi pasca merdeka

ini sebahagian besarnya masih mentah antara memilih kebebasan bersuara atau memelihara keharmonian kaum dan agama di negara ini.

Melampiaskan semua kehendak diri atau kelompok yang diwakili di laman sosial ialah penanda sebahagian besar warga muda tidak pernah peduli dengan perasaan orang lain. Sikap individualistik ini merupakan elemen kehidupan materialistik. Terlalu mengejar kepentingan diri untuk meraih kekayaan, harta, pangkat dan kesenangan, akhirnya monopolii ini tidak mengizinkan perkongsian apa lagi sikap untuk mengenang budi. Adakah negara yang maju fizikalnya tetapi mundur adab warganya boleh pergi jauh untuk menyaangi atau setara dengan pencapaian negara Jepun?

Jika inilah harga sebuah budaya toleransi peribumi ternyata takrifan Dasar Kebudayaan Kebangsaan perlukan akta untuk penguatkuasaan. Pesan guru penulis tentang umur dan kematangan, katanya “orang yang berumur belum tentu matang kerana terlalu banyak makan garam, ramai orang yang berumur terkena penyakit darah tinggi, cepat marah dan suka menyalahkan orang muda”. Penguatkuasaan undang-undang tidak perlu untuk bangsa yang matang. Malangnya kita hanya menganggap budaya sebagai aspek hiburan. Maka kita tidak peduli apakah rupa budaya bangsa Malaysia. Jika pun ada usaha pemaparan budaya hanyalah setakat penampilan kosmetik dengan memakai baju Melayu bangsa bukan peribumi kerana inilah hiburan yang kita inginkan, keindahan luaran yang sengaja dibuat-buat untuk kepuasan peribadi.

Kita akan menanti 50 tahun lagi untuk dikenang oleh generasi akan datang tentang kejayaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Hal demikian tidak akan berlaku seandainya golongan tua yang berumur 50 tahun lalu sudah menyediakan landasan pendidikan seni dan budaya yang mantap, maka sudah tentulah hari ini kita akan beramai-ramai menuai buah keharmonian yang manis. **W**

# Konflik dalam Tangis Buliga


oleh ASMIATY AMAT

**K**onflik bermaksud tidak ada persetujuan atau pertentangan (*disagreement*) antara dua belah pihak atau kumpulan berkenaan satu-satu perkara, yang mempunyai kepentingan kedua-dua belah pihak. Konflik dilatarbelakangi oleh perbezaan ciri yang dibawa oleh individu dalam suatu interaksi. Perbezaan tersebut antaranya bersangkutan dengan ciri fizikal, kepandaian, pengetahuan, adat istiadat, keyakinan dan lain-lain. Konflik juga boleh hadir dalam diri seorang individu akibat wujud pelbagai alternatif dalam membuat pilihan. Konflik merupakan situasi yang wajar dalam setiap masyarakat dan tidak ada satu pun individu atau kumpulan masyarakat yang tidak pernah mengalami konflik antara anggotanya atau dengan kelompok masyarakat yang lain. Konflik bertentangan dengan integrasi. Konflik dan integrasi berjalan sebagai sebuah siklus dalam masyarakat. Konflik yang terkawal akan menghasilkan integrasi dan sebaliknya integrasi yang tidak sempurna mampu mencipta konflik.

Thomas (1976) mendefinisikan konflik sebagai satu proses yang bermula apabila satu pihak menganggap satu pihak lain telah menghambar, atau akan menghambaran satu kepentingan dirinya. Definisi ini merangkumi jenis konflik antara individu dan dalam kumpulan. Tiga jenis konflik utama yang disarankan oleh Stott dan Walker (1992) ialah konflik diri, konflik antara manusia (interpersonal) dan konflik pasukan.

## Konflik Diri

Konflik ini bersifat persendirian atau dalam diri sendiri. Biasanya konflik begini boleh timbul disebabkan keputusan yang perlu diambil dalam tugas dan kehidupan sehari-hari seseorang. Salah satu bentuk konflik wujud apabila seorang individu terpaksa memilih antara beberapa alternatif yang bersesuaian. Pertama, seorang individu perlu memilih



beberapa alternatif yang bersesuaian. Kedua, seorang individu terpaksa memilih dua alternatif yang mempunyai kedua-dua kesan positif dan negatif dan alternatif yang mempunyai kesan negatif sahaja.

## Konflik Interpersonal

Konflik interpersonal berlaku akibat sumber yang tidak mencukupi, wujud percanggahan pendapat dan persepsi atau tersalah anggap. Konflik interpersonal juga berlaku apabila terdapat hubungan manusia terutamanya apabila mereka perlu berkomunikasi dan bekerja bersama untuk mencapai matlamat yang sama tetapi berlainan peranan, tanggungjawab dan keperluan.

## Konflik Pasukan

Konflik pasukan akan berlaku bila sesuatu pasukan menghadapi dua jenis konflik dalam menjalani peranan dan tugas mereka. Ia boleh berlaku dalam pasukan yang sama atas sebab tertentu atau antara pasukan lain dengan satu pasukan lain. Konflik pasukan perlu dititikberatkan dan diurus dengan baik demi kebaikan dan peningkatan prestasi pasukan dan organisasi.

Seseorang atau pasukan yang menghadapi konflik akan mengalami beberapa kesan, iaitu boleh menjadi individu yang kehilangan orientasi atau semangat hidup, atau malah bertambah bersemangat atau bermotivasi bergantung bagaimana cara mereka menghadapi konflik yang dihadapi. Orang yang "bermotivasi" dalam hidup mempunyai dua hal yang tidak dimiliki oleh kebanyakan manusia. Pertama, memiliki sasaran hidup yang lebih jelas di fikirannya. Sasaran itu memotivasikan langkahnya. Kedua, memiliki kemampuan dalam mengatasi hal-hal buruk agar tidak sampai memburukkan batinnya terlalu lama. Mereka mampu melihat hal-hal buruk dengan cara dan dalam bentuk yang lebih sihat.

## Penyelesaian Konflik

Penyelesaian konflik dalam diri seorang individu dapat dilakukan dengan merenung permasalahan dan melihat sebab masalah terjadi, meminta nasihat daripada rakan atau keluarga sebelum melakukan pilihan yang sepatutnya diambil. Setiap agama turut menuntut agar individu yang menghadapi konflik dalam hidup bertawakal dan berusaha untuk menyelesaikan konflik yang berlaku dalam diri mereka. Konflik antara individu dan kelompok dapat diatasi dengan menimbulkan sifat saling menghormati, menghargai dan rasa toleransi agar konflik yang terjadi dapat dihindari. Beberapa cara mengatasi konflik ialah dengan menghindar atau mengelakkan diri, berbincang, berkompromi dan bekerjasama menyelesaikan masalah, memberi kesempatan orang lain mengatur strategi dan bersaing. Mengelakkan diri dan mengakomodasikan dapat dilakukan bagi isu atau masalah yang tidak terlalu penting, dan ia dapat memberi peluang individu menenangkan diri dan memberi kesempatan untuk mereka membuat keputusan dengan lebih baik. Kompetisi adalah satu cara yang dipercayai bahawa lebih banyak informasi dan keahlian yang lebih dibanding yang lain. Cara ini adalah satu cara yang baik untuk membentuk alasan per se fa ham an tetapi juga mampu menimbulkan konflik lain. Cara berkompromi dan perbincangan pula mampu memberi satu peluang kepada kedua-dua pihak memecahkan masalah, bekerjasama dan mendapat situasi menang-menang.

Sebuah karya kreatif seperti cerpen tentu sahaja harus mewujudkan konflik dalam diri watak atau konflik antara watak-wataknya atau konflik antara watak atau konflik watak dengan alam agar cerpen dapat berkembang sebagaimana selayaknya sebuah cerpen yang baik. Konflik yang akan menggerakkan plot sebuah cerita dan pengarang harus bijak memilih konflik dalam karya mereka. Kewujudan konflik juga harus ditangani

dengan baik agar sebuah karya yang dihasilkan memiliki kekuatan atau menjadi bertambah lebih menonjol berbanding karya-karya yang lain. Terdapat juga karya yang menampilkan konflik tetapi pengarang membiarkan konflik yang wujud merewang tanpa penyelesaian atau konflik yang tidak difaham titik permulaannya. Semua ini bergantung kepada misi, dan kebijaksanaan pengarang menangani karya mereka.

### Bentuk Konflik dan Penyelesaian dalam *Tangis Buliga*

*Tangis Buliga* merupakan kumpulan cerpen yang ditulis oleh Kathirina Susanna Tati. Ia menghimpunkan sebanyak 18 buah cerpen dan diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBN) pada tahun 2012.

Membaca kumpulan cerpen tersebut memberi input berguna bukan sahaja daripada segi nilai adat budaya masyarakat di Sabah khususnya soal adat perkahwinan, pertunangan, *sogit* dan adat kematian dalam masyarakat Kadazandusun. Namun perkara yang lebih menarik perhatian ialah bagaimana pengarang menjadikan isu adat budaya itu sebagai satu alternatif untuk menimbulkan konflik dalam kalangan watak-watak yang ditampilkan. Selain itu, pengarang turut mewujudkan konflik melalui pertentangan antara dua atau tiga individu yang berkaitan dengan hal-hal lain seperti isu keluarga, kasih sayang dan percintaan. Demikian pengarang muda ini mengatur strategi demi melaksanakan misinya sebagai seorang pengarang yang mampu membentangkan konflik diri watak-wataknya demi menyalurkan pengajaran kepada pembaca.

Penggunaan konflik yang menimbulkan dilema diri itu menjadi identiti Kathirina dalam mengembangkan bakat kepengarangannya. Ia bijak menjadikan satu-satu konflik yang timbul sebagai asas kepada perkembangan cerita dan sekali gus memberikan nilai tersendiri kepada kepengarangan beliau.

### Konflik Interpersonal dan Konflik Diri Berkaitan Adat Istiadat

Konflik diri dan interpersonal akibat pertentangan pendapat berkaitan adat istiadat mendominasi kumpulan cerpen tersebut. Menerusi cerpen “*Sogit*”, pengarang mengetengahkan isu adat resam masyarakat Kadazandusun. Konflik bermula apabila Melda, satu-satunya anak Inai Dodu dan Ulih ingin berkahwin tanpa mengikut adat istiadat kaum Kadazandusun. Melda ingin berkahwin di hotel dan sekali gus melupakan adat istiadat perkahwinan Kadazandusun, sedangkan ibunya terlalu teruja untuk melakukan majlis perkahwinan tersebut di rumah kampung mereka agar adat tradisi mereka dapat dilaksanakan. Pertengkaran antara Inai Dodu berlaku kerana Melda tetap dengan pendiriannya sedangkan Inai Dodu juga tidak mahu berganjak daripada prinsipnya mengekalkan adat merekat. Bagi Melda, selain daripada ketinggalan zaman, pelaksanaan adat tersebut hanya menyusahkan diri, pembaziran dan bakal menimbulkan masalah baharu seperti bergaduh, bertumbuk, berpukul dan macam-macam lagi akibat hilang kawalan kerana mabuk.

Inai Dodu tidak kisah jika Melda berkahwin di gereja tetapi jamuan makan perlu diadakan di kampung kerana kerbau yang akan disembelih adalah kerbau *sogit* (denda) untuk kampung. Namun disebabkan Melda tidak mahu berganjak, konflik interpersonal antara keduanya menimbulkan konflik diri dalam diri Inai. Tekanan perasaan akibat konflik tersebut menyebabkan Inai resah gelisah, sakit hati dan bingung memikirkan jalan penyelesaian yang perlu dilakukannya. Ia tergambar melalui petikan-petikan berikut:

*Sakit hati Inai Dodu seperti ditikam-tikam sembilu berbisa. Dia tidak menyangka anak yang dia besarkan dengan penuh kasih sayang dan belajar tinggi sehingga membawa*

*pulang ijazah boleh melupakan adar resam kaumnya.*

*Inai Dodu risau mencari apakah alasan yang kukuh untuk dia jelaskan apabila orang kampung bertanya nanti apakah Melda tidak kahwin di kampung. Mengapa Melda mesti kahwin di hotel. Pasti saudaramanya marah kerana bukan semua orang dapat datang ke majlis perkahwinan Melda di hotel.*

*Inai Dodu bungkam! Mahu rasanya dia meminta Tuhan mengambilnya agar dia dapat bersama mendiang suaminya, kerana dia tidak tahu apa akan dilakukannya kalau abang dan masyarakat kampung mengejek dia kerana anak tunggalnya Melda berkahwin di hotel, tidak di kampung!*  
(hlm 9)

*“kinigan, ompuno aku!” bisik hatinya. Air mata terus mengalir dan dia Cuma berserah.*

(hlm 10)

Melalui petikan tersebut menunjukkan bagaimana konflik interpersonal yang wujud antara ibu dan anak akhirnya menjadikan konflik diri dalam diri Inai. Inai tidak tahu harus memilih apa. Dia tetap dengan pendiriannya namun dia juga akur bahawa pendirian anaknya juga tidak mungkin dapat diubah. Oleh hal yang demikian, pengarang sengaja menggantungkan penyelesaian konflik tersebut dengan penyerahan diri Inai kepada Tuhan. Konflik interpersonal tersebut mungkin menjadi lebih menarik jika pengarang turut memperlihatkan konflik diri Melda.

Hal yang serupa tetapi tidak sama berlaku dalam cerpen “Adat”. Dalam cerpen “Adat”, watak Gina yang berkonflik diri akibat konflik antara dirinya dengan ibunya. Gina menolak

adat minum arak. Gina tidak mahu menyediakan arak dalam upacara kematian suaminya. Gina sanggup menolak adat mereka kerana baginya arak telah menyebabkan suaminya meninggal dunia. Arak menyebabkan suaminya dilanggar oleh orang mabuk.

Pada satu pihak lain, ibu Gina beranggapan bahawa menyediakan arak dalam upacara kematian adalah satu kemestian dan telah menjadi tradisi kaum mereka. Arak dapat membantu orang berjaga dan ia harus dilaksanakan dalam upacara kematian orang Kadazandusun. Ia ditegaskan dalam petikan berikut:

*“Kalau tidak ada arak, mana ada orang yang akan berjaga, kita tidak boleh tidur ataupun membiarkan jasad tanpa dijaga, selagi jasad belum dikuburkan,” kata ibu kepadaku.*

(hlm 60)

Sungguhpun Gina faham bahawa kematian suaminya adalah satu takdir, namun menyediakan arak dan menyebabkan mabuk bukanlah satu alternatif positif dalam menyelesaikan masalah berjaga orang mati. Pertentangan tersebut menyebabkan Gina tertekan, sebagaimana digambarkan melalui dialog berikut:

*Mahu rasanya aku menjerit sekuat hatiku, aku benci arak! Arak telah membunuh suamiku dan kini aku terpaksa membeli arak untuk dihidangkan kepada tetamu. Namun kerana adat. Kerana adat kaumku, aku terpaksa akur! Kerana arak itulah aku menjadi balu! Arak itu juga punca kemusnahan! Dalam hati aku terus memberontak tetapi terpaksa mengalah kerana adat!*

(hlm 61)

Menerusi dialog tersebut, pengarang menunjukkan bagaimana watak Gina mengalami tekanan perasaan dan memberontak tetapi terpaksa akur demi menyelesaikan konflik yang dialami oleh dirinya dan konflik antara dirinya dan kaumnya.

Cerpen berjudul “Tingaton” menyerlahkan konflik diri dan interpersonal antara Karen dan suaminya seorang berbangsa Inggeris. Karen berkahwin dengan Brian atas dasar cinta. Sepupu Karen, Matthew, telah menjelaskan dengan panjang lebar kepada Brian tentang adat resam dan tatacara kehidupan Karen yang dibesarkan oleh neneknya. Brian akur namun ia berubah pendirian setelah mereka berkahwin. Brian sering mengejek dan menghina cara hidup keluarga Karen lebih-lebih lagi cara nenek Karen yang suka *mongingat* atau makan sirih pinang. Bagi Brian, tindakan tersebut kotor dan berbau. Karen sering bertengkar dengan Brian yang tidak pernah mahu menghormati cara hidup mereka malah terpaksa pula berhadapan dengan neneknya yang sering merajuk dan kecil hati dengan tindakan suaminya itu. Karen hidup dalam dilema dan tidak tahu harus berbuat apa untuk menyelesaikan masalah tersebut.

*Brian menyayangi dan mencintaiku sepenuh hatinya. Namun dia tidak suka akan kehadiran saudara-saudaraku, nenekku dan kawan-kawanku kami. Apalagi kalau semua sudah duduk bercerita sambil memakan sirih! Tingaton yang tidak pernah nenek lupa hidangkan. ... Itu budaya mereka. Nenek terkilan, Nenek berkecil hati. Ahhh... kerana tingaton nenek, kami bergaduh semalam....*

(hlm 183)

Konflik tiga segi itu menyebabkan Karen menghadapi konflik diri yang hebat. Dia hilang

keyakinan kepada masa hadapan rumah tangganya dengan Brian. Menghadapi konflik tersebut, neneknya beralih dan menasihati Karen agar menuruti sahaja kemahuan Brian, asalkan Brian sayang padanya. Namun, menghadapi konflik tersebut, Karen mula hilang semangat diri. Menurutnya:

*... Menilai bagaimana pandangan orang pada budayaku dan menilai kasih sayang dan toleransi orang termasuk suamiku sendiri pada adat resam dan budayaku! Hormatku pada suamiku berkurangan, sangsiku pada suamiku bertambah!*

(hlm 185)

Cerpen “Kasih Tetap Bersemi” menyaksikan konflik interpersonal antara Nelly dan ibu bapanya kerana mereka tidak mahu menerima Syahrul sebagai menantu mereka, atas alasan perbezaan agama dan budaya. Kesan daripada konflik tersebut, Nelly telah dihalau dan dibuang oleh keluarganya. Betapa konflik interpersonal antara Nelly dan kedua orang tuanya tidak dapat dibendung diperlihatkan oleh pengarang melalui dialog yang lemparkan oleh ibu bapa Nelly kepada dirinya dan kepada ibu bapa Syarul.

*“Kami tidak sudi anak kamu jadi menantu kami. Kami tidak mahu anak kami masuk Islam, bentak ibu Nely.”*

*“Kami tidak mahu anak kami nanti mati menderita di negeri kamu,” bentak ibunya lagi.*

*“Kau sudah gila! Mahu kahwin dengan orang bukan daripada bangsa sendiri! Wajah ayahnya menyinga.*

(hlm 71)

*“Nelly! Kalau kau betul-betul mahu juga dengan lelaki itu, kau keluar dari*

*rumah ini,” ayahnya menjerit. Kau keluar dari rumah ini sekarang juga!”*

*“Kami tidak mahu menganggap kau sebagai anak lagi, keluar,” jerit ibunya.*

(hlm 68)

Sungguhpun penyelesaian secara perbincangan dan kompromi dilakukan melalui keluarga angkat Syahrul, ia tidak dapat mengubah pendirian ibu bapa Nelly. Keluarga Ustaz Adenan yang dihantar untuk berbincang dan memujuk keluarga Nelly hampa kerana ibu bapa Nelly tetap dengan pendirian mereka tidak mahu merestui perkahwinan Nelly dan Syahrul. Malah Nelly juga turut dibuang keluarga. Sungguhpun Nelly dipagut perasaan sesal kerana terpaksa melawan kehendak ibu bapanya, dia tetap pasrah pada nasib yang menimpa dirinya. Namun dia bertuah kerana suaminya sangat penyabar dan mereka menyelesaikan konflik tersebut dengan menjauhkan diri serta pasrah agar suatu hari nanti mereka diterima kembali. Akhirnya kepasrahan dan kesabaran mereka membawa hasil kerana setelah lapan tahun, kasih ibu bapa terhadap Nelly bertaut kembali. Malah ibu bapanya turut menyambut mereka dengan mengadakan kenduri dengan menyembelih lembu.

Konflik dan penyelesaian yang ditonjolkan dalam cerpen “Selamat tinggal Onsurai” memperlihatkan bagaimana toleransi dan persefahaman antara kedua belah pihak mampu menyelesaikan konflik yang ada. Odu Soingkim yang ingin menurunkan ilmu perbomohan apada cucunya Loyah menemui jalan buntu kerana Loyah tidak berminat untuk mendalami ilmu perubatan tradisional dan menjadi *bobohizan*. Walau bagaimanapun, kekecewaan Odu Soingkim itu terubat kerana sekurang-kurangnya Loyah mahu memelihara budaya tersebut daripada hilang begitu sahaja dan berjanji akan membina sulap apabila Odu

meninggal dunia. Loyah juga telah membuat kajian dan dokumentasi berkenaan ilmu *bobohizan* serta menyalin segala mantera daripada Odu. Perkara tersebut mengubat lara Odu Soingkim dan konflik antara keduanya tidak berpanjangan dan tidak menimbulkan konflik diri dan interpersonal.

Secara dasarnya, konflik diri dan interpersonal yang wujud dalam kumpulan cerpen adalah berkenaan pertentangan antara ingin meneruskan adat resam dengan tidak. Pengarang telah membentangkan pelbagai alternatif kepada pembaca sekiranya adat dan cara hidup diteruskan atau ditinggalkan. Tanpa bias kepada pilihan pengarang, Kathirina bijak mengeksplorasi cerita untuk membiarkan pembaca meneliti punca, kesan dan jalan penyelesaian yang perlu difikirkan pembaca yang menghadapi situasi berkenaan.

Salah satu cerpen yang agak lari daripada konflik yang wujud akibat adat, ialah cerpen “Kasih Terlerai” yang membentangkan bagaimana adat resam menjadi satu alternatif yang baik bagi menyelesaikan sebuah masalah yang wujud. Jojo yang telah bertunang dengan Anna telah curang dan bertunang dengan orang lain. Bagi menyelesaikan konflik tersebut, Mamai Bagul dan keluarga kedua belah pihak menyelesaikan masalah dengan konsensus melalui pelaksanaan adat tradisi. Akibat kesilapan Jojo, dia perlu didenda mengikut adat. Pertunangannya dengan Anna perlu diputuskan dan pihak lelaki perlu membayar denda atau *sogit* berupa seekor lembu dan wang hantaran.

### **Konflik Cinta dan Memburu Kebahagiaan**

Konflik yang dibentangkan berkenaan cinta dan kebahagiaan dapat dilihat melalui cerpen-cerpen seperti “Adakah Esok Untukku”, “Tangis Buliga”, “Kasih tetap Bersemi”, “Gelora di Jiwa”, dan “Butakah Cinta Itu”.

Kisah percintaan menjadi penghalang cinta Ivy dan Isac. Datuk Samsul dan Datin Suria tidak dapat menerima Ivy sebagai

kekasih Isac kerana darjat mereka yang berbeza. Ibu bapa Ivy bekerja sebagai pemandu dan orang gaji di rumah Datuk Samsul. Ia menjadi satu perkara yang bakal menjatuhkan maruah dan darjat mereka dalam kalangan orang kaya. Konflik tersebut menjadikan Benjamin dan isterinya serba salah, malu dan rasa terhina. Mereka menyayangi anak mereka dan pada masa yang sama, mereka tidak mahu kehilangan kerja. Akhirnya Benjamin telah menghantar Ivy ke rumah Mak Cik Anna. Bagi mereka itu merupakan jalan terbaik dan penyelesaian kepada konflik percintaan Ivy dan Isac. Namun demikian, perpisahan tersebut menyebabkan Ivy hilang semangat dan hilang motivasi untuk belajar dan gagal dalam peperiksaan. Ivy menghadapi konflik diri kerana gagal menebus maruah keluarganya yang telah dipijak-pijak oleh ibu bapa Isac. Konflik batin yang dirasai itu bertambah membusung apabila Ivy bertemu semula dengan Isac dan Isac mahu kembali kepadanya. Ivy yang masih mencintai Isac tentu menanggung penyesalan jika menerima semula Isac kerana ayahnya masih rasa terhina dengan keluarga Isac. Cerita tersebut digantung begitu sahaja oleh pengarang tanpa sebarang penyelesaian.

Nasib yang sama menimpa Matji kerana dirinya tidak diterima oleh bapa Suri dalam cerpen “Darah Pahlawan”. Konflik tersebut muncul sewaktu Pangeran Udin menolak Matji dengan penghinaan seperti ungkapan berikut:

*“Kau belum cukup syarat Matji. Bolehkah kau pelihara anak aku? Kau nak beri dia makan apa? Makan rumput! Macam sapi yang kau pelihra itu?”*

*Kau carilah perempuan yang sepadan dengan kau, matji. Kami tidak mahu bermenantukan orang seperti kau!”*

Hati Matji benar-benar terluka. Baginya, *“Maruah keturunanku harus kupertahankan!”*. Konflik interpersonal yang wujud itu menyebabkan Matji menjadi murung dan dilanda perasaan sakit hati, geram, marah dan ingin membala dendam. Klimaks kepada perasaan tertekan itu menyebabkan Matji bermimpi membunuh Pangeran Udin. Akhirnya Matji sedar bahawa konflik yang melanda dirinya perlu diselesaikan dengan cara dia memperbaiki diri. Matji bertekad dan bersemangat untuk mengubah nasib diri dan keluarganya. Ini antara penyelesaian konflik yang bersifat persaingan dan membentuk motivasi diri. Matji juga akur bahawa jodohnya dengan Suri ditentukan oleh Tuhan yang lebih berkuasa.

Nasib sama melanda Jefri dan Tanaguci. Percintaan mereka terhalang akibat adat dan keturunan. Akhirnya keduanya terpaksa berpisah. Tanaguchi yang mempertahankan bangsanya mengundurkan diri agar tidak wujud konflik yang lebih parah antara dia dan keluarga Jeffri. Suilin dalam cerpen “Bukan Milikku” juga akur pada jodoh dan ketentuan. Konflik diri akibat mencintai suami orang melanda diri Suilin. Dia serba salah sama ada mahu meneruskan percintaan dan berkahwin dengan Roger atau sebaliknya. Akhirnya dia memilih untuk tidak memilih Roger sebagai pasangan hidup dan sekali gus tidak mahu meruntuhkan rumah tangga Roger dan isterinya, Cindy.

Konflik diri yang ditanggung oleh Lisa (aku) dalam cerpen “Kudakap sebuah Harapan” bermula apabila watak “aku” disahkan mengidap barah rahim. Konflik diri ini menjadi konflik interpersonal kerana Benji, suami Lisa pula menyatakan hasrat untuk memiliki anak. Atas alasan tidak dapat melahirkan anak, Benji dipaksa ibunya mengahwini Soraya. Perkara tersebut menghimpit perasaan watak “aku”.

*Aku diam. Membatu! Bermacam-macam rasa bergolak dalam dadaku dan dalam kotak fikiranku. Sukar bagiku menerima kenyataan bahawa rahimku harus dibuang, agar penyakit tidak merebak ke tempat lain. Terlalu berat menerima kenyataan tersebut, tetapi berita ini lebih berat. Bagaimana harus aku buka hati dan perasaanku, untuk aku menaikkan bendera putih dan memberi kemenangan kepada Soraya!*

Aku berupaya menangani konflik yang mencengkam jiwa dengan membawa diri ke Seattle. Aku mengundurkan diri untuk berubat dan memberi ruang kepada suami mengecap bahagia dengan isteri baharu. Penyelesaian yang memberi ruang kepada kedua-dua belah pihak merenung permasalahan yang melanda mereka memberi sinar harapan kepada “aku” dan suami. Beny datang menemui aku dan ikhlas mahu menjaga aku setelah mengetahui tentang penyakit yang kuhadapi. Konflik tersebut terlerai dengan penyelesaian yang memberi ruang kepada aku untuk berikrar menjadi isteri yang baik kepada suami walaupun tidak mampu melahirkan anak.

Konflik diri watak-watak dalam cerpen-cerpen tersebut tidak sehebat konflik yang ditanggung oleh watak aku (Judy), akibat perbuatannya membuang ketumbuhan yang tumbuh dalam rahimnya. Judy sering diburu rasa bersalah. Judy sering bermimpi ngeri melihat janin-janin yang mati dibunuhan.

*“Mengapa mama? Mengapa?”  
Kedengaran rintihan mereka.  
Mengapa kaubunuuh aku mama,  
rintihnya lagi. “Aku adalah hasil  
daripada kasih sayang mama dan  
papa. Mengapa kau tidak sayang  
padaku?” Suara roh bayi-bayi itu  
begitu menujuk jiwaku....*

*“Tolong! Tolong,” Aku meraung dan terus terjatuh ke bumi. Aku terbangun, rupa-rupanya mimpiku bersambung tadi dan aku betul-betul terjatuh dari sofa.*

(hlm 106-107)

Mimpi diburu janin menyebabkan Judy ketakutan dan insaf akan perbuatannya. Dia sedar perbuatannya dahulu menyebabkan dia terseksa dan tidak tenteram. Dia benar-benar menyesali perbuatannya dan memohon keampunan Tuhan. Konflik batin tersebut mungkin baru dirasai bagi seorang ibu yang membuang ketumbuhan dalam rahim. Bagaimana pula konflik yang diterima oleh ibu yang benar-benar telah membunuh bayi mereka dengan sengaja? Ini mungkin menjadi satu perkara yang perlu difikirkan oleh kaum wanita di luar sana melalui konflik yang dipaparkan oleh pengarang lewat cerpen ini.

Kumpulan cerpen *Tangis Buliga* sarat dengan konflik diri dan konflik interpersonal antara watak-wataknya. Sungguhpun konflik yang diwujudkan pengarang ada yang hampir sama tetapi pengarang bijak mewarnakannya dengan bentuk perseimbahan yang berbeza dan penyelesaian yang pelbagai. *Tangis Buliga* adalah satu kumpulan cerpen yang memberi banyak alternatif dan pilihan kepada pembaca. Ia seiring dengan tugas karya yang bukan semata-mata membentangkan permasalahan masyarakat, malah memberikan pilihan kepada pembaca untuk memilih jalan keluar kepada permasalahan yang mereka hadapi. Tahniah kepada Kathirina Susanna Tati kerana sungguhpun usia kepengarangan beliau belum cukup lama di negeri Sabah, apatah lagi di Malaysia, pengarang telah hadir dengan daya dan identiti kepengarangan yang mula menonjol. Jika Kathirina gigih dan sentiasa rajin mempelbagaikan tema dan teknik penulisannya, suatu hari Kathirina menjadi seorang penulis wanita yang disegani di Malaysia. **W**

### Nostalgia Hidup

*Sewaktu angin rindu  
meniup wangi angسana  
menyentuh iilusi sepasang kekasih  
bercanda  
duhai, alangkah manisnya bila begini  
kita lalui tanpa diganggu  
tidakkah kaulihat wahai kekasihku  
serumpun mawar tersenyum  
di kembang hari  
kuntum-kuntum lily,  
kuntum-kuntum sempaka  
seperti kita melepaskan rindu dendam.*

*Ketika bunga ros  
membuka kelopak sepinya  
perlahan angin semilor  
menyapu titis embun  
mentari memanaskan api rindu  
kemudian perpisahan pun terjadi  
tanpa dipinta.*

*Duhai alam yang merestui kejadian  
mengapa sampai di sini  
ketika mentari sedang rembang  
ketika orang bercinta  
mengabdi pengorbanan  
tiba-tiba semua wangian dari kembang  
hilang semakin menjauh  
apakah tiada cinta lagi....*

### FPA Perindu Sepi

### Perjuangan

*Untukmu  
tika dan saat ini  
aku perlu berjuang demi untukmu  
semangat waja berbekalkan kesabaran  
yang tepu  
memberi makna denotatif  
dalam perjuangan ini.*

*Perjuangan ini  
bukan konotatif perjuangan terakhirku  
tetapi perjuangan ini  
menandakan akhir tahap pertama  
untukku meneruskan  
perjuangan seterusnya  
kepada dunia sebenar.*

*Perjuangan ini  
sesungguhnya pengorbananmu  
dengan kerelaan, keizinan,  
galakan dan kasih sayang  
tidak ternilai harganya  
dalam meneruskan perjuangan ini.*

*Untukmu  
yang sentiasa memahami  
dan menyedari  
akan kesibukanku  
dalam keterbatasan masa, ruang,  
waktu dan rentetan saat  
untuk bersamamu demi perjuangan ini.*

*Aku bersyukur pada-Mu Allah  
kerana memberiku kesihatan yang baik,  
kelapangan fikiran dan ketabahan  
dalam meneruskan perjuangan ini.*

Norjietta Taisin

## Lorong-lorong Muthmainnah

*Aku membawa tuan kembali ke kampung asal kejadian  
merenung tajam seluruh batas dan sempadan  
berjalanlah walaupun lambat dan perlahan-lahan  
sekalipun meniti di atas buih  
segala bentuk godaan  
ini lorong-lorong jalan ke muthmainnah  
mempertemukan dua huruf yang bersatu di dalam kalimah  
namun jelas dan terang ketika mengucapkannya  
dalam ikrar nafi dan mengisbatkan-Nya.*

*Lorong-lorong muthmainnah ini  
tetap gelap, sunyi dan berduri  
batas sempadan diri terperi  
adunan mengenal yang sementara dengan yang abadi  
tempat menguji kental fikir dan dalamnya rohani  
bak cermin mengimbas belantara insani  
mainan gelombang di mata para sufi  
jalan mula mengenal batil  
sebelum berlayar di lautan tamsil.*

*Aku membawah tuan kembali ke kampung kejadian  
kerana kita berasal dari empat anasir Adam  
melayarkan bahtera seumpama Nuh  
menyimpulkan temali iman pada-Nya.  
penuh segala rindu.*

Siba Nita AS

# Vanila Shah di Jambori

oleh ARNI MAJOHN

**A**ku melangkah pantas menuju Dewan Serbaguna SK Tambulion. Aku tidak lagi peduli pada najis lembu dan kuda yang berselerakan di sana sini. Aku sudah terlambat. Sangat terlambat. Sebelum ini, aku tidak pernah terlambat dalam majlis penting yang melibatkanku. Inilah pertama kali aku tidak menepati waktu. Aku sepatutnya menjadi contoh kepada pemimpin pengakap yang hadir di jambori itu. Namun keadaan memang tidak mengizinkan. Penerbangan Air Asia asyik tertunda kerana cuaca. Dan aku, manusia biasa yang mustahil mampu mengawal sang cuaca.

Dewan sudah dipenuhi pemimpin pengakap ketika aku melangkah masuk ke tengah ruang dewan. Juruacara mengumumkan ketibaanku penuh takzim. Aku tersenyum lebar. Gembira kerana akhirnya aku dapat bersama-sama mereka. Mereka ialah warga bangsa tanah air kelahiranku. Aku akui, rindu yang menggunung membawa aku sesekali kembali ke sini. Sejak isteriku, Tengku Farhana meninggal dunia kerana kanser, aku telah mengabdikan seluruh hidupku kepada badan sukarelawan ini. Di sini, dalam Badan Bukan Kerajaan ini, Farhana pasti berbahagia melihat kejayaannya, andainya dia masih hidup.

Namun sudah 10 tahun dia meninggalkan aku bersendirian. Tanpa anak. Aku membawa diri ke United Kingdom. Membawa sejumlah luka yang tak terubat. Luka ditinggal isteri

tercinta.

Ketika melewati meja pertama, aku tersentak. Ada sesuatu yang mengganggu emosiku. Meja kecil itu dikelilingi tujuh pemimpin pengakap wanita. Aku memandang sejenak. Empat orang berpakaian pengakap lengkap dan tiga orang lagi berpakaian biasa. Vanila!!! Ya, bau haruman vanila. Bau yang mengingatkan aku pada Tengku Shah, anak saudara isteriku. Hidungku menangkap dua aroma vanila yang berbeza. Minyak wangi vanila dan aroma semula jadi vanila. Aku tidak dapat memastikan siapa antara mereka yang memiliki. Namun cukup mengingatkan aku pada cinta Shah yang bertahun-tahun cuba kufahami. Shah jatuh cinta dengan seorang gadis, pemain bola keranjang hanya kerana aroma tubuhnya berbau vanila!!

Shah atau Tengku Shah, anak kakanda kepada isteriku, Tengku Azlan. Sepanjang waktu pemergianku, dialah yang kuamanahkan untuk menjaga vilaku di Wilayah Persekutuan Labuan. Mengambil jurusan yang agak pelik bagi seorang keturunan Diraja. Automotif. Dia merelakan diri untuk bersekolah di SM Teknik Labuan, jauh dari keluarga kerana kasihnya kepada bonda Farhana dan aku. Ya aku, satu-satunya pak cik dari keturunan rakyat biasa. Aku hanya seorang usahawan. Dia memang agak manja padaku. Mungkin kerana Farhana mengasuh dan menyayanginya seperti anak



sendiri sejak kecil lagi. Malah ketika Farhana terlantar sakit, dialah satu-satunya anak saudara yang menemani kedukaan kami. Dia menunda pelajaran setahun hanya kerana menemani kami. Anak saudaraku yang mirip Bryan, penyanyi kumpulan *Westlife*, itu kami anggap sebagai anak kandung kami sendiri.

Haruman itu berusaha kulupakan. Walau kuakui, haruman itu merangsang jiwa tuaku seakan kembali muda. Barangkali inilah yang cuba Shah sampaikan kepadaku. Haruman itu memiliki daya elektrostatik yang kuat. Meresap sepantas tenaga *photon*, cahayanya ke seluruh urat nadiku. Namun aku perlu meneruskan langkah untuk upacara yang sedang menantiku. Upacara yang dimulakan dengan bacaan doa sebenarnya tidak melekat pada mindaku. Mataku kekal melilau ke meja kecil itu. Jauh di hati, aku bertekad, aku akan ke meja itu. Ketika aku berucap pun, mataku masih saja memandang lurus ke meja itu. Aku melihat seseorang. Seorang pemimpin wanita berambut pendek. Pemimpin wanita itu berada di meja kecil yang mengadap pentas. Jiwaku kian penasaran. Aku mulai menebak sendiri. Haruman itu pasti dari dia.

Teks ucapanku sepatutnya agak panjang. Tanpa sedar, aku telah memendekkannya tanpa sengaja. Memang aku terganggu. Ketika acara makan malam selesai, aku mencuri waktu mendekati meja itu. Pemimpin pengakap di meja itu kini menjadi lima orang. Tiga orang tanpa pakaian lengkap sudah tidak ada di situ. Tambahan seorang lagi, dari meja besar yang berdekatan. Mungkin mereka dari daerah yang sama. Aku segera berdiri antara dua wanita yang kuanggap berbau vanila sekadar ingin membuktikan teoriku. Teoriku benar. Salah seorang daripada mereka memang Si Vanila.

“Pasti si rambut pendek ini ialah Si Vanila!” duga hatiku.

“Saya mahu bergambar dengan wanita-

wanita di meja ini,” kataku tanpa sedar. Aku sendiri serba salah dengan permintaanku yang agak keterlaluan. Mungkin aku teruja melihat dia. Semua pemimpin di meja itu serentak berdiri. Mereka mendekat di sisiku. Memberi ruang untuk para juru gambar mengambil gambar. Ketika mereka berdiri, aku kian pasti. Di kiriku wanita berperisa vanila dan di kananku benar-benar Si Vanila. Spontan tanganku menarik mereka berdua merapatiku. Tindakanku mungkin agak bodoh. Aku barangkali telah memegang isteri orang tetapi ia berlaku sendiri. Tanpa kawalan. Aku sedar kedua-duanya mengeraskan badan. Berdiri agak kaku di sisiku. Aku harap mereka tidak salah faham. Aku hanya mahu membuktikan wanita yang menggunakan haruman vanila benar-benar wujud di muka bumi ini. Aku hanya mahu memahami jiwa anak saudaraku yang pernah kuanggap kegila-gilaan selama 20 tahun.

Sepanjang upacara penyerahan tauliah, fikiranku asyik menerawang jauh. Ada perasaan ingin menghantar khabar pada Shah. Aku sempat melirik tanda nama wanita yang menggunakan haruman vanila itu, Jane Magenta Putera. Seakan nama itulah yang digilai Shah 20 tahun yang lepas. Nama yang menjadikan dia seakan hilang kuasa kewarasan. Mencemburui semua orang yang mendekatinya. Sanggup bergaduh dengan siapa sahaja kerana dia. Sanggup menggunakan kuasa Diraja untuk cuba merebut dia. Namun, apa pun yang dilakukan Shah, hanya menjadi igauan ngeri padanya. Dia tetap tidak sudi. Shah hampir menjadi pembunuhan demi gadis yang dicintainya. Akhirnya, gadis itu melarikan diri ke sekolah lain tanpa khabar. Shah hampir menjadi gila. Benar-benar gila. Gila mencari dia di seluruh pelosok negeri Sabah. Aku memang tidak memahami jiwa anak muda Shah saat itu.

Wanita itu bukan jenama model ternama. Dia hanya wanita biasa.

Usai upacara, aku masih penasaran ingin mendengar suaranya. Shah pernah berkata, dia memiliki suara yang manja. Aku melihat dia keluar dari pintu dewan bersama rakan-rakannya. Mereka dikerumuni ahli yang berusaha mendapatkan tandatangan para pemimpin. Dia agak peramah. Dia melayan semua ahli dengan senyuman. Tanpa suara. Kesempatan terbuka apabila dua orang rakan pemimpin pengakapnya memohon izin beredar dahulu. Dia mengangguk. Dia belum terlepas dari kerumunan. Aku melangkah mendekatinya. Para ahli spontan memberi ruang.

“Jane... kau di mana selama ini?” aku memegang bahunya. Dia memandangku kaget.

“Masih kenal *uncle*? ” aku berusaha memberi gambaran padanya apabila kulihat dia menggelengkan kepala perlahan.

“Shah?” Dia menggeleng lagi walau kelihatan agak ragu.

“Tengku Shah?” Aku sedikit menekan perkataan Shah.

“*Uncle* Zaini? Suami Almarhumah Tengku Farhana....” Dia tunduk hormat.

Dia masih mengenali aku. Memang benar dialah Vanila cintanya Shah. Dia Vanila Shah!!!

“Saya mohon, *uncle*... tolong jangan khabarkan pada Shah bahawa saya ada di sini. Saya tak sanggup menjadi pelarian lagi...” suara mersiknya beralun memenuhi rongga telinga. Benar kata Shah, dia wanita biasa yang istimewa. Suaranya bukan manja. Suaranya penuh karisma.

“*Uncle* berjanji...” lafazku penuh yakin.“Boleh *uncle* tanya?”

Dia mengangguk. Dia memang makhluk yang kurang berkata-kata.

“Kenapa kamu tak dapat terima Shah dari

dulu?”

“Tak ada jodoh. Saya mempunyai pilihan lain. Cinta tak boleh dipaksa. Cinta lahir dengan sendiri.”

Jantungku berdegup kencang. Ternyata kata-katanya tegas dan yakin. Aku suka.

“Saya mohon izin balik ke khemah, *uncle*... maafkan saya...” tutur katanya penuh sopan. Aku mulai mengerti. Pilihan Shah tak pernah salah.

Aku terpaku melihat dia berlalu. Shah benar. Sangat benar. Dia mempunyai sesuatu yang tidak ada pada wanita lain. Matanya yang bundar menyerlahkan kelembutan seorang wanita tetapi suaranya itu penuh karisma. Tegas dan halus. Tidak mampu dipengaruhi.

“Tuan pesuruhjaya kenal dia?” aku mengangguk-anggukkan kepala.

“Si Vanila?”

Serentak para pesuruhjaya dan para penolong pesuruhjaya menyebut perkara yang sama.

“Kenapa kamu panggil dia Si Vanila?” aku cuba menduga mereka.

“Dia satu-satunya pemimpin beraroma vanila tuan. Macam kopi... boleh bikin kita ketagih,” kata salah seorang penolong pesuruhjaya negeri. Kata-katanya disambut dengan gelak ketawa rakan-rakan di sekelilingku. Hatiku bergetar, kurang senang dengan komentar berani seperti itu.

Sebelum dia melangkah masuk ke dalam khemah pemimpin sub-kem 3, dia sempat menoleh dan tersenyum padaku. Aduhai Vanila Shah!! Ada sesuatu yang bergendang dalam jiwaku untuk Vanila Shah di jambori!! Aku berasa seperti menjadi seorang ayah. Andainya Vanila itu anakku. Aku menghembus nafas berat. Seorang pengakap wajib setia pada janjinya. Aku tidak akan merosakkan kebahagiaan Jane, hanya untuk Shah. Maafkan ayahanda, Shah. **W**

# Pertentangan

oleh MAD SAKIRAN HAJI SULAIMAN



**D**ia telah menjelaskan. Semua keperluan sudah diatur mengikut jumlah sebenar. Semua ini bagi mengelak adanya tohmannan atau pertikaian pada masa depan. Tapi kenapa anak-anaknya masih tidak mengerti cara pengagihan itu? Malyana tidak faham kenapa anak-anaknya berterusan mengongkongnya. Dia sudah dewasa. Sudah menjanda dan balu beberapa tahun lalu. Suaminya sudah meninggal dunia akibat berlaku kemalangan jalan raya.

Sebidang tanah seluas dua puluh hektar telah diagihkannya berdasarkan kepada ramai anaknya. Jabatan tanah dan ukur yang membuat pecah geran tanah berkenaan. Tujuan Malyana supaya anak-anaknya tidak lagi

menyalahkannya. Tidak lagi mempertikainya. Dia mahu hidup dalam suasana damai, dalam situasi yang menghiburkan. Sejak kematian arwah suaminya, dia bernikah semula dengan lelaki dari Indonesia. Walau bagaimanapun, mereka bercerai akibat tidak sebulu dengan anak-anak tirinya. Dan Malyana terasa sunyi hidup tanpa suami, lebih-lebih lagi sekarang ini usia sudah hampir senja atau sudah menjelang tua. Malyana mahu seorang lelaki yang boleh didampingi, yang boleh dijadikan pasangan hidup yang baik dan memberi layanan yang memuaskan. Soal seks, Malyana tidak utamakan. Sudah tua. Tapi Malyana mahu kalau ada lelaki untuk bergantung hidup, tidaklah seterus sekarang keadaannya.

Akhir-akhir ini ada seorang duda telah datang merisiknya untuk menjadikannya pasangan hidup. Untuk menjadikannya isteri sampai ke tua. Malyana bersetuju kerana hidup berseorangan terlalu sunyi. Masa sakit-sakit, mungkin ada kesempatan memicit tubuh badan yang lenguh dan tempat bergantung harap dalam hidup. Malyana melihat keadaan lelaki terabit semacam ada kemampuan. Maklumlah pesara kerajaan. Ada wang penceh setiap hujung bulan. Ada kenderaan dan ladang kelapa sawit.

Malyana memerlukan kehadiran seorang teman hidup iaitu suami sebagai tempat bergantung bagi menyelesaikan kekusutan yang timbul. Tambahan pula, pada usia yang senja ini seorang teman sangatlah penting. Hal ini pernah dia luahkan kepada anak-anaknya.

“Mak akan menikah dengan seorang duda. Mak melihatnya ada kemampuan memelihara mak yang semakin tua ini.” Anak perempuannya yang sulung menjeling seperti memberi amaran. Dia tidak berkenan menerima hasrat ibunya.

“Mak tu sudah tua. Kami anak-anakmu ini sudah ada kemampuan. Boleh memberi mak wang setiap bulan. Buat apa lagi mak kahwin.” Malyana hanya terpegun mendengar kata-kata anak sulungnya. Dia terkejut. Hasratnya itu tidak mendapat perkenan anak-anaknya. Malyana terharu mendengar bantahan anak-anaknya.

“Mak sedar semua ini. Mak sudah tua, tetapi kamu juga sudah bersuami, ada anak dan bertugas di tempat jauh dari kampung ini. Lihat sahaja keadaan mak duduk dan tidur di gerai usang sana. Mak tiada kawan siang malam - seorang diri menjual sesuatu yang tidak pun memberi pendapatan yang lumayan. Tapi mak lakukan kerana cuba mengusir kesunyian, menghibur hati supaya tidak diserang sakit tua dan kemurungan.” Malyana berusaha memberi kefahaman kepada anak-anaknya. Bukan dia mendesak mahu menikah sekali lagi, tapi keadaannya yang hampir setiap hari duduk seorang diri, mencangkung dalam kesunyian hanya mengira hari, membilang waktu dan menanti kunjungan malam.

Malyana mahu menikah dengan lelaki pilihannya itu bukan kerana nafsu, bukan kerana bergaya dan beseronok. Tapi mahu ada teman, ada pasangan yang sentiasa melihatnya, sentiasa membelainya terutama dalam keadaan kesunyian. Ada tempat merayu dan berlindung terutama ketika musim tengkujuh, musim hujan dan angin ribut. Malyana tidak pun mendesak anak-anaknya supaya mendirikan gerai yang kukuh konkrit untuknya berniaga. Tapi dia hanya memuaskan hatinya, mengelak adanya serangan kesunyian dan kemurungan. Sudah hampir sepuluh tahun dia menjadi balu. Pelbagai kata-kata dilemparkan. Maklumlah balu tentera yang jarang bersama suami ketika bertugas. Malyana mahu bebas dari cengkaman anak-anaknya dalam suasana sekarang ini. Bukan bebas sebebasnya yang terpaksa melalui pelbagai budaya, pelbagai maklumat dan mesej dia lakukan. Malyana mahu bebas supaya anak-anaknya tidak terlalu beban memeliharanya. Dia elakkan semua anak menantunya dari kalangan orang lain. Walaupun sesuku, tetapi budaya dan pegangan kadang-kadang terdapat perbezaan. Malyana mahu pelihara kerukunan rumah tangga anak-anaknya. Sebab itu dia menyewa gerai buruk dekat bandar. Biar seorang diri siang malam tidur di sana. Dia mahu berdikari dengan hasil kerja sendiri. Malyana melihat keadaannya terlalu daif. Terlalu miskin terutama dalam soal menongkah hidup yang serba mencabar ini.

“Kami sediakan wang untuk mak setiap hujung bulan. Mak tidak perlu risau, tidak perlu banyak melakukan kerja yang melebihi kemampuan mak. Biar mak rehat sepanjang hayat pada usia sekarang. Kami pelihara mak, percayalah.” Mareen bersuara mendesak ibunya supaya tidak melanggungkan hasratnya menikah dengan lelaki pilihannya. Menurut Mareen, ibu mereka sudah menopaus, tidak boleh lagi melahirkan zuriat. Berseorangan sangat sesuai pada usia sekarang. Menikah dengan lelaki yang belum pasti keturunannya, hanyalah mengundang sesuatu yang tidak baik. Namun, Malyana bertegas mengakui lelaki itu adalah dari kalangan baik-baik. Dia berazam untuk rela menjadi pasangan kepada lelaki pilihannya.

“Apa saja yang kamu jual di gerai ini?” tanya Julian yang singgah di gerai Malyana. Malyana menjual pelbagai barang keperluan harian termasuk kain batik, kain pelekat dan kain sarung. Dia juga menjual payung dan herba.

“Oo... seperti yang encik nampak, inilah sahaja yang aku jual.” Malyana melayan pelanggannya walaupun tidak membeli apa-apa. Julian mengambil tempat duduk sambil melihat keadaan gerai Malyana yang sudah uzur.

“Mungkin ada pendapatan yang elok menjual pada hari minggu ya?” Julian masih mahu mengetahui sesuatu latar belakang gerai Malyana di tengah bandar sebaris dengan gerai-gerai menjual air manisan dan sebagainya.

“Mana suami puan?” tanpa segan Julian memberanikan diri mahu tahu perkembangan seterusnya mengenai wanita yang agak tembam dan padat itu.

“Ooo... suami aku sudah lama meninggal dunia,” Malyana tersipu-sipu malu menjelaskan. Julian angguk kepala sambil tunduk memahami sesuatu di lubuk hatinya.

“Maaf puan, terlanjur bertanya.”

“Tak apa, tidak salah.” Malyana memberi sebungkus minuman kotak susu kacang.

Terima kasih puan. Nama puan siapa ya?” Julian menyambut kotak yang dihulurkan itu sambil menjeling wajah Malyana yang masih ceria itu.

“Nama aku orang panggil dan dalam kad pengenalanku Malyana,” jelasnya sambil mengorak senyum manis. Ternyata di bibir itu ada bicara yang dapat menyentuh hati yang memerlukanimbangan dalam hidupnya.

“Nama tuan siapa? Tidak salah kita mengetahui nama sesama kita kan?” Malyana juga duduk pada bangku yang tersedia bersebelahan dengan Julian. Pelanggan belum ada yang datang ketika itu. Malyana melayan Julian sementara dia tidak sibuk.

“Nama aku Julian. Aku pesara kerajaan, pencenlah katakan. Lama aku tinggalkan bandar ini kerana bertugas di Sandakan,

kehendak jabatan. Balik beberapa bulan lalu sesudah pencen. Dan hari ini aku jalan-jalan kebetulan hari ni tamu minggu.”

Malyana hanya mengangguk kepala mengerti buah butir yang diluahkan lelaki di sisinya.

Tamu minggu semakin sibuk. Orang ramai datang berkunjung dan melihat sesuatu. Kalau berkenan sudah pasti dibeli dan dibawa balik. Budaya tamu hari minggu tidak melepaskan peluang memerdengarkan alunan lagu-lagu tempatan, alunan lagu-lagu penyanyi kebangsaan. Suara pelaris turut kedengaran bagi mlariskan jualan mereka. Inilah satu-satunya tamu minggu yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh orang ramai, terutama pelanggan.

“Kebetulan aku juga seorang duda, isteri aku telah kembali ke Indonesia beberapa bulan lalu. Kami tiada zuriat. Kalau puan sudi menerima aku, elok kita menikah walaupun usia sekarang sudah meningkat senja.”

Malyana sekali lagi tersipu-sipu malu mendengar pengakuan lelaki di sisinya. Pertama kali itulah dia mendengar suara permintaan ikhlas dari seorang lelaki tua mahu menjadikan dirinya sebagai isteri. Oh Tuhan, hamba-Mu terlalu lemah dalam segala. Keluh Malyana sambil menyembunyikan wajahnya bagi menghapuskan air mata yang mahu menitik di empangan matanya.

“Kalau Malyana sudi, aku membuat persediaan untuk melamarmu petang ini. Di kampung mana Malyana tinggal?” Suara ikhlas lelaki itu masih dilahirkan. Malyana serba salah. Mundur maju dalam permintaan lelaki yang dianggapnya ikhlas dan jujur.

Julian melihat keadaan gerai Malyana, bukan saja dia sebak terharu, bahkan keazamannya membuka untuk menjadikan Malyana sebagai isterinya.

Gerai Malyana adalah antara gerai yang memerlukan bantuan. Keadaannya uzur, tidak terurus dan Malyana tidur hanya pada sekeping tilam setebal satu inci. Tikar lama diorak bagi mengalas punggungnya ketika hendak makan. Bilik mandinya amat tidak munasabah dan tandasnya tidak elok langsung. Julian

mendapati keadaan gerai itu adalah antara gerai yang terbiar.

Julan hanya menahan sebak di dadanya. Rasa sayu dan sedihnya semakin menjulang tinggi. Inilah pertama kali dia menyaksikan seorang balu bekas tentera yang tidak mendapat pembelaan daripada pihak tertentu. Walaupun anak-anaknya sanggup memelihara dan memberinya wang setiap bulan, namun Malyana amat segan, amat takut kelak berlaku salah faham dalam kalangan anak-anaknya. Dia bimbang kelak suami mereka akan bertindak luar dugaan.

“Mak, janganlah menikah. Kami pinta. Terbaru mak membuat hubungan sulit dengan seorang lelaki dari pantai timur. Tapi lelaki berkenaan tidak ikhlas, mak ditinggalkan begitu, bagaikan kuntum bunga disedut kumbang lalu layu jatuh menyembah bumi. Lelaki itu hanyalah menipu mak sehingga mak percaya dan membawa lelaki berkenaan bermalam di rumah sewa mak.” Terang Mareen anak sulungnya yang bersuamikan pegawai di salah sebuah bank di ibu kota.

“Mana lelaki itu sekarang mak” Mak membawanya ke rumah sewa, kami tidak tahu apa yang berlaku antara mak dengan lelaki berkenaan.” Malyana tunduk menahan emosinya. Walaupun lelaki berkenaan tidak menikahinya, tetapi tanggungjawabnya sudah dilaksanakan sebagai lelaki, sebagai teman. Memang Malyana akui, dia sudah terlanjur dengan lelaki itu, tetapi atas kerelaan bersama. Malyana tidak memikirkan lelaki itu akan menikahinya. Dia faham pasti lelaki terbabit hanya mempermainkannya. Namun dia tidak mempersalahkan lelaki itu kerana dia juga terpikat lalu menembusi dinding dadanya menyahut bisikan halus cintanya. Malyana tidak salahkan lelaki itu, malah sekiranya dia bertemu sekali lagi, dia tetap layan lelaki itu sebagai teman, sebagai saudara. Lelaki itu pada Malyana ada keistimewaan yang perlu dihargai. Bisiknya menyangkal tuduhan anak-anaknya.

“Kami adik-beradik tetap melihat dan

memelihara mak walaupun kami duduk jauh dari kampung ini.” Masih lagi Mareen rayu supaya ibunya membatalkan hasratnya untuk bernikah dengan lelaki pilihannya.

“Mak faham semua kata-kata kamu. Tapi tolong mengerti. Jika musim sejuk, musim tengkujuh, ketika itu kamu berada di tempat jauh. Pada siapa mak minta simpati, minta perlindungan?” Malyana masih lagi berusaha memberi kefahaman kepada anak-anaknya. Sekali lagi ketegasan di hatinya cuba diluahkan. Dia menikah bukan kerana nafsu seksnya, tetapi kerana mahukan perlindungan, ada orang yang menjaga dan memeliharanya pada usia sekarang. Nafsu seks sudah lama berakhir kerana perempuan yang menopaus memang nafsu seksnya tidak lagi mencabar. Dia mahu bersuami kerana perhitungan semasa musim sejuk, ketika malam ribut dan pada waktu keseorangan. Inilah yang Malyana mahu anak-anaknya faham. Soal mereka memberi wang setiap bulan Malyana tidak galakkan. Dia mengelak daripada berlakunya salah faham, berlaku pergaduhan dalam keluarga, sedang anak-anaknya sudah ada anak, cucunya sendiri.

Malyana masih juga menongkah arus kehidupan yang agak tidak menentu. Hidup keseorangan dalam gerai yang buruk, dalam keadaan yang terlalu daif. Sakit mata memandang, lagi sakit otak memikir keadaan gerai Malyana betul-betul tidak seperti gerai-gerai lain di sekitar itu. Pun Malyana tetap meneruskan aktiviti menjual barang keperluan harian dan bersaing dengan kakak sepupunya dan keluarganya di gerai berasingan di sekitar tamu minggu itu.

Malyana tetap berusaha supaya anak-anaknya mengerti bahawa hidup pada usia begitu, tidaklah memerlukan seks atau keseronokan. Dia memerlukan pelindung dan penjaga di samping ada teman setiap siang malam duduk di gerai buruk itu.

Malyana menarik nafas sesak sekali. Dia melihat kehidupannya tidaklah menentu, terumbang-ambing. Namun tekadnya mahu terus mencapai kemajuan. **W**

# Tangisan Sepi

oleh WELIN EBAL



Mentari amat cerah. Panas berbaur rimas. Wajah ceria diterkam duka. Kenderaan bertali arus. Masa semakin cepat berlalu. Masa makan tengah hari sebahagian daripada faktor kesesakan jalan raya dan selainnya anak-anak balik dari sekolah.

'Sabarlah,' monolog Nelena memujuk hatinya.

Ben kelihatan tenang memandu kenderaan

Gen-2 berwarna kelabu. Meskipun luncuran kereta Gen-2 itu merimaskan dan mengundang resah namun semangatnya tetap kukuh. Hanirah membantu seribu bicara sejak tadi. Tini pula sesekali menyiku Nelena kerana ada sesuatu yang pincang dalam pertemuan itu. Hakikat yang mempertemukan mereka seketika mengecewakan harapan Nelena. Kemesraan tersepit oleh kegoaan Hanirah dan dari dulu kata-katanya sering menghiris hati

Nelena.

Dada Nelena mula sebak. Sejak tadi, dia tidak berkata-kata lagi. Dia hanya sesekali memandang Tini yang duduk berdekatan dengannya. Kesalan menyerlah pada wajah Hanirah. Air muka marah yang sering kali menerkam hati Nelena menghimpit perasaan namun dibiarkan agar tidak mengundang sengketa. Darah yang mengalir dalam tubuhnya juga semerah darah yang mengalir pada tubuh Hanirah, Tini dan Ben.

“Berapa harga tayar tu?” Nelena memecah suasana membantu.

“Seratus enam puluh lima ringgit,” jawab Ben ringkas.

“Oh, wah mahal ohhh....”

“Tayar tu tidak koyak sebelumnya tapi waktu masuk di jalan tu, koyak pula. Jadi tak selamat diguna kalau jalan jauh,” Hanirah menyampuk dalam nada yang tegas.

Sejuta kesal dalam hati Nelena kerana telah menyuruh mereka menunggunya di rumah. Apakan daya nasi sudah menjadi bubur. Kesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Apa yang penting ialah bagaimana dia harus memulihkan situasi itu. Dia harus mencari ikhtiar untuk mendamaikan hatinya dengan resah yang menghimpit jiwa. Lenguh jantungnya tiada siapa yang tahu, namun dia percaya suatu hari nanti dia akan membayar wang yang telah digunakan untuk membeli sebiji roda itu. Baginya, kata itu kota kerana dia sendiri tidak suka dipermainkan.

Sepanjang perjalanan dari Kota Kinabalu ke Kota Marudu, selama itu situasi dingin. Kemesraan mulai menyembunyikan diri dan kegelisahan mulai menghimpit perasaan. Kobaran jantung sudah mula terasa dan butir-butir jernih gugur di pipi Nelena. Gunung kekecewaan menimpa jiwa. Kekesalan dan kesedihan silih berganti. Hidungnya mula tersumbat oleh cairan hingus. Dia berusaha menahan cetusan hati agar tidak hinggap ke cuping telinga Hanirah kerana dia seorang

yang nipis telinga.

“Kami masih dalam perjalanan....”

“Apa?” Tini tersentak.

“Siapa tu?” sampuk Nelena.

“John,” Tini menjawab resah.

Tiba-tiba Gen-2 yang dipecut oleh Ben hampir terbabas kerana pecutan yang membahayakan. Nelena terhantuk di belakang tempat duduk bahagian pemandu. Jantungnya seolah-olah melayang. Dia menarik nafas panjang. Isi daging tubuh sederhana tinggi seakan bergetar. Semua perempuan yang duduk di dalam kenderaan Gen-2 itu saling berpandangan. Ben seperti panik sedikit tetapi pantas dia menguasai keadaan dan kenderaan yang dipandunya.

Fikiran Nelena bercelaru. Dia benar-benar terkejut dan jika dilihat dengan teliti, wajahnya kelihatan pucat lesi. Namun dia membantu meskipun biasanya dalam saat genting itu, dia pasti sudah menggelabah. Biarpun Ben sudah beristeri dan mempunyai tiga orang anak, namun Nelena tidak menghiraukannya. Baginya nasihat adalah penting. Tetapi gelabahnya terhalang lantaran wajah muram Hanirah. Hanirah seorang kakak yang tegas, berketerampilan dan disegani. Tambahan pula suaminya seorang guru yang dihormati oleh ibu bapa mereka. Di celah-celah fikiran kecamuk Nelena, muncul peristiwa pahit Ben yang hampir meragut nyawa. Peristiwa yang sukar dilupakan apabila beberapa tahun sahaja mereka berkahwin, Ben mengalami kemalangan dahsyat. Kenangan duka terjadi kira-kira sepuluh tahun yang lalu sehingga menyebabkan ada skru besi di dalam tubuh badannya. Tulang bahu patah dan harus disambung dengan besi dan bahagian pinggang kiri juga dipasang skru. Tiga skru besi dalam badan Ben telah mencacatkan gaya tegapnya berjalan. Dahulu tubuh tinggi lampainya tegak, kini susut seolah-olah menjadi rendah lantaran kemalangan jalan raya. Walau bagaimanapun pengalamannya yang sedemikian pun dia

“Lena, kita ada kelompok malam ni?” tanya Nuim melalui telefon bimbit Nelena.

“Tiada... sebab saya di kampung ni.”

“Kenapa?” tanya Nuim.

“Bapa kami sudah pergi,” sayu suara Nelena.

“Ohhh... maaflah saya tak tahu. Salam takziah untuk keluarga besar kamu.”

“Terima kasih... doakan kami.” Nelena sebak namun air bening tetap tidak gugur daripada matanya.

masih tidak trauma. Apakah yang ada di kepala Ben sehingga semangatnya tidak patah, bahkan sedikit pun tidak serik dengan sejarah silamnya yang menderita. Badan Ben yang lebam sana sini dan bengkak menyebabkan isterinya harus menjaganya selama sebulan di hospital Ratu Elizabeth, Kota Kinabalu. Kedahsyatan peristiwa pahit itu semakin mengganggu jiwa Nelena.

“Sudah sampai, turunlah...” Tini menyiku Nelena.

“Ohh.”

Ketika Nelena melangkah turun dari kereta Gen-2, dia seolah-olah sedang berjalan dalam pekat malam. Hospital Lotong, Kota Marudu kelihatan sunyi sepi seakan-akan tiada penghuni. Nelena patah hati, Tini menangis, Hanirah terus melangkah dengan pantas dan Ben menghilang seketika. Ketika Nelena melangkah ke bangunan mayat, dia amat hairan kerana tiada sebutir pun air mata yang gugur namun sebak dan pilu lubuk hatinya tiada siapa yang tahu.

“Lena, kita ada kelompok malam ni?” tanya Nuim melalui telefon bimbit Nelena.

“Tiada... sebab saya di kampung ni.”

“Kenapa?” tanya Nuim.

“Bapa kami sudah pergi,” sayu suara Nelena.

“Ohhh... maaflah saya tak tahu. Salam takziah untuk keluarga besar kamu.”

“Terima kasih... doakan kami.” Nelena sebak namun air bening tetap tidak gugur daripada matanya.

Ketika memasuki bilik permandian mayat, ramai ahli keluarga sudah berada di situ menunggu tukang untuk memandikan mayat. Sekujur tubuh cengkung terbaring di atas katil dikelilingi oleh anak-anak. Suasana sedih. Ben sudah kelihatan gelisah. Dia seperti mahu pengsan. Beberapa saudara yang lain mengajaknya keluar dari bilik mayat itu. Tangisan kedengaran sana sini. Nelena pula menghairankan dalam masa berduka itu kerana dia langsung tidak menangis dengan raungan. Dia percaya bahawa suatu masa yang ditentukan oleh yang Maha Esa mereka dapat bertemu semula pada kelahiran yang baru. Harapan ini terus menguasai seluruh jiwanya. Dia yakin ada kelahiran kedua yang akan datang hanya tertakluk ke atas diri seseorang. Jika seseorang percaya bahawa adanya Tuhan dan hidup mengikut kebenaran-Nya, pasti ada kehidupan kekal kelak.

Nelena diasak oleh perasaan bersalah tatkala dia tidak berada di sisi ayahnya sewaktu menghembuskan nafas terakhir. Perasaan bersalah itu semakin menghimpit dada dan menyebabkan dia sukar bernafas. Dia benar-benar kesal tidak mengambil cuti semasa ayahnya nazak. Kesalnya sudah tidak bermakna lagi. Ketika dia balik sehari sebelum ayah mereka meninggal, dia memaksa ayahnya supaya dibawa ke hospital untuk mendapatkan rawatan. Fikirannya bercelaru.

“Doakan saya supaya mati sekarang. Aku tak tahan ni, sakit.” Ayah Nelena berseru.

“Tidak.”

Nelena tidak sampai hati menuaikan permintaan terakhirnya. Ayah mereka menghembuskan nafas terakhir ketika dia berusia 76 tahun. Kehilangan ini adalah ketentuan daripada Yang Maha Esa. Setiap insan pasti melewatinya cuma masa, tempat, tarikh dan sebab tidak diketahui. Adakah sesiapa di alam fana ini yang mampu mengelaknya? Tiada satu pun di muka bumi ini yang dapat menandingi kuasa-Nya. Apa pun juga kedudukan, pangkat, harta, kuasa dan kekayaan, kematian harus ditempuh. Hidup hanya seketika dan itu pun akan segera berlalu.

“Nah... kau kata di hospital ada tenaga. Tolong bagi tau doktor, saya mahu makan.” Kalimat itu amat segar di telinga Nelena.

“Doktor, tolong ayah saya... dia sudah tiada tenaga. Dia sangat lapar.”

“Kenapa tidak bagi makan?”

“Bagi makan, tidak sampai sesaat muntah. Jadi hospital inilah... harapan pesakit. Ke mana lagi? Tolonglah... kasi gantung air,” Nelena merayu.

Nelena teringat ketika dia merayu kepada doktor untuk merawat ayahnya sebelum ini. Beberapa hari sebelum dia menghembuskan nafas terakhir, Nelena sempat menziarahi ayahnya dan mengejarkannya ke hospital. Ketika itu muncul ketulan batu di hatinya kerana doktor berlengah-lengah memberi

rawatan. Berhimpun lagi kesalan dan marah di hatinya apabila jururawat yang bertugas ketika itu tidak mesra pesakit.

“Tak perlu kau sompong, kita saling menolong. Hospital merupakan harapan pesakit untuk terlepas dari belenggu penyakit dan pesakit adalah ladang pelayanan perawat. Jadi kalau tidak saling menampilkan peranan... siapalah yang dirawat? Toyol? Haiwan? Hantu?” Nelena cepat-cepat menutup monolognya sebelum dosa menaklukinya.

Dadanya sebak tapi air mata tidak menitis. Tini, Hanirah dan adik-beradik yang lain menangis dengan raungan yang pelbagai. Emak mereka juga menangis dengan raungan yang sungguh menyedihkan. Semua keluarga yang mengasihinya berkabung kerana kehilangan orang yang disayangi dan tidak akan kembali lagi.

“Memandikan mayat pun seperti ada polisi?” Tercetus spontan kalimat itu apabila menunggu tukang memandikan mayat belum sampai-sampai.

“Bukan sembarang. Ia harus dilaksanakan mengikut peraturan agama masing-masing,” Adin menjawab.

Adin anak sulung mereka yang harus diikuti dan dihormati oleh semua adik-beradik. Keluarga besar ini memang diajar ketat oleh ibu bapa agar berusaha mengelak daripada perpecahan keluarga. Sengketa harus dijauhi, dendki harus dihapuskan, perbezaan pendapat mesti disifarkan dan perpecahan dimusnahkan. Sejak dahulu lagi, anak-anak telah dididik dengan sopan santun, beradab, tidak membala kejahatan dengan kejahatan dan saling tolong-menolong. Inilah pusaka yang harus diturunkan demi memelihara jati diri sebagai orang tempatan Sabah. Identiti dipelihara dan diwariskan turun-temurun. Beradat, bersopan, berbahasa dan berfikiran murni adalah harta mahal yang perlu diwariskan kepada anak-anak. Nilai-nilai murni dan saling menyayangi serta saling menghormati pusaka yang tidak akan luput. Warisan ini seharusnya dipelihara demi kebaikan hubungan bersaudara bahkan

hubungan dengan sesama.

“Siapa yang urus wang dalam simpanan Amanah Saham Berhad (ASB)?” Adin bertanya kepada adik-beradik.

“Nantilah saya uruskan,” sampuk John.

“Baguslah tu,” serentak adik-beradik menjawab.

Keluarga besar Nelena berkabung. Anak-anak buahnya tidak dapat balik semua lantaran melanjutkan pengajian di kolej, belajar, bekerja dan tidak sempat. Semua adik-beradik dapat pulang namun ada suami yang tidak sempat pulang. Semalam sahaja mayat ayah Nelena berada di rumah mereka dan kesokan harinya ia disemadikan dalam perkuburan orang-orang Kristian di Kampung Tinggaton. Mayat dibawa ke perkuburan dengan menggunakan kenderaan D-Max kepunyaan John.

“Pukul 10 pagi kita akan beredar,” Adin memutuskan masa perjalanan.

Ibu Nelena juga setuju akan masa yang ditentukan kerana menunaikan wasiat suaminya. Ramai saudara-mara dan orang-orang kampung datang memberi penghormatan terakhir terhadap ayah Nelena. Ada yang dari jauh dan dari kampung yang berdekatan. Mereka menghulur sumbangan dalam bentuk kewangan.

Sumbangan daripada kawan-kawan dan daripada pejabat Nelena sendiri hampir tiga ribu ringgit. Sumbangan keseluruhan lebih kurang lapan ribu dan wang itu diguna untuk keperluan upacara membersih kuburan setahun selepas itu.

Seekor kerbau telah dikorbankan untuk makanan orang-orang yang datang. Keluarga besar Nelena hanya mampu mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka atas pertolongan kewangan, tenaga dan masa mereka kerana mengunjungi keluarga mereka. Ketika mayat diturunkan, tangisan kedengaran dan raungan tangis memecah kesedihan pagi. Namun tangisan sepi Nelena menghimpit resah. Biarpun air mata tidak gugur dari kelopak matanya tapi sebak dan pilu hatinya tiada siapa yang tahu. Nelena percaya bahawa suatu masa pada kelahiran yang kedua, mereka

dapat menjumpai ayah mereka pada alam yang baru.

“ASB belum diurus lagi,” tingkah emak Nelena.

“Ah... sudah hampir lapan bulan masih belum lagi.”

“Kauuruslah.”

“Berjanji saja....”

Pengurusan wang peninggalan ayah Nelena memakan masa yang lama. Mula-mula datang ke pejabat pos dan mengambil borang pemindahan wang. Kemudian borang akan diisi, kemukakan ke mahkamah daerah untuk ditandatangani oleh pegawai daerah dan menunggu masa bicara tuntut harta. Hal yang sukar ialah mengumpul adik-beradik. Masa mereka tidak mengizinkan, bekerja, sibuk dan jauh dari daerah Kampung Tinggaton. Nelena berusaha berbuat demikian untuk mengeluarkan jadual Tiga dari mahkamah.

Jadual Tiga dapat dikeluarkan enam bulan lebih kemudian. Jadual Tiga dibawa lagi ke ibu pejabat ASB untuk pengeluaran wang, Borang dan Jadual Tiga sudah dikemukakan dan harus menunggu masa sebulan lagi.

“Memang rumit. Wang peninggalan bukan dapat dikeluarkan dalam sekilip mata tapi ia dapat dihabiskan dalam sekilip mata. Barang-barang meningkat, sara hidup tinggi dan gaji rendah. Kerja sendiri tidak bergaji kalau malas mencari peluang dan bertindak.” Monolog Nelena melenguhkan perasaan.

“Mak... akaun ASBmu sudah dikemas kini?”

“Belum.”

“Cuba lagilah. Suruh kakak,” nada Nelena lembut.

Tekad Nelena tercapai tatkala setelah tiga bulan kemudian wang simpanan ASB ayahnya telah dipindah milik ke akaun ASB ibunya. Ia telah melalui keperitan menunggu masa untuk memindahkan sejumlah tiga belas ribu lebih simpanan mendiang ayahnya. Polisi harus diikuti. Kesabaran sentiasa menemani hati dan usaha tindakan harus dilakukan.

‘Syukur tugasku selesai,’ monolog Nelena. **W**

Potret Sebuah Desa

*Kujejaki keringat tua  
yang pernah mengalir hiba  
di atas sebidang tanah  
pada sebuah kehidupan daif terhimpit.*

*Dengarlah olehmu sebatang sungai  
di desa ini mengalir perlahan arusnya  
seperti denyutan nadi resah pak tani  
menghitung pemergian si anak muda  
di perantauan mengadu untung, nasib  
dalam kesamaran.*

*Kutatap juga gelisah pak tani  
yang meneruskan sisa perjuangan  
dengan menyerahkan takdirnya  
yang sarat kelesuan.*

*Kini wajah desa murbaku  
sudah lama berakhir  
menanggalkan baju tradisinya  
ketika memasuki alaf ke-21 ini  
mengalas kemajuan  
demi pembangunan penuh kepiluan.*

*Musim tibanya menuai padi  
hanyalah riwayat silam yang luput  
dari ingatan kami, buat mengisi  
galeri derita kenangan berpanjangan!*


N.R. Rahim

Kaku

*Kaku  
lihatlah awanan di kejauhan fikiran  
msa berlari  
walaupun kaku  
melihat pada sinaran anak mata  
adakah kaku?*


*Kaku  
ribuan bermain di benak fikiran  
jangan kenangkan yang suram  
cahaya menerangi hati  
jangan kaku  
seperti kakunya pandangan  
jangan harapan menjauhi  
menjadi kaku.*

Khair Hudsufi



# Lubuk Perpisahan

oleh JASMAN BANDAR



Lubuk kayu mati di situlah terciptanya kenangan terindah dalam hidupku. Segala impian, cita-cita, keamanan, dan kebahagiaan dirasakan namun kini hanya tinggal kenangan yang paling pahit dalam hidupku kerana segala-gala yang aku ada dirampas oleh manusia yang rakus mengejarkekayaan. Entah apakah salah kami sehingga diseksa sebegini. Di manakah nilai kehidupan bagi kami insan yang lemah ini. Makhluk seperti kami juga ingin hidup dalam muka bumi ini bukan mereka sahaja. Kami juga ingin

melalui kehidupan aman dan sejahtera seperti mereka rasakan kini. Tetapi mengapa kini manusia pula merampas segala keamanan, kebebasan, dan hidup kami.

Masih segar dalam ingatanku ketika dulu di laut kulihat berpasangan hidupan yang terdiri daripada ikan-ikan, udang, ketam, kerang, serta rumpai-rumpai laut yang sedang menantikan kehadiran zuriat mereka dengan berasa gembira, anak-anak ikan bergurau senda sambil berenang-renang di tepi batu karang dan kayu-kayu sambil memakan lumut

di laut, ketam berkejar kejaran di tepi pantai, rumpai-rumpai di laut tersenyum riang sambil mendapatkan cahaya matahari. Saat itu adalah sesuatu yang sangat kurindukan mungkinkah ianya akan berulang kembali.

Ternyata segala anganku hanyalah palsu belaka, saat semua yang ada di lubuk Kayu mati diserang oleh manusia dengan pukat tarik yang meragut beribu-ribu hidupan daripada pelbagai spesies. Aku hanyalah spesies udang kertas yang lemah terpaksa pasrah dengan keadaan seperti yang dirasakan oleh udang batu, udang kuning dan segala udang yang ada di laut.

Setiap hari seakan tiada pernah memberikan kebahagiaan kepadaku, yang ada hanyalah rasa pilu melihat keadaan generasi hidupan laut yang semakin hari semakin susut bilangannya akibat tindakan manusia. Kesedihan yang kurasakan tak terungkap. Air mata menjadi teman yang setia dan memahami betapa peritnya penderitaan dan keadaan yang kualami. Udang-udang yang sarat bertelur, ikan-ikan yang bertelur serta segala hidupan yang mahu melahirkan zuriat untuk meneruskan generasi mereka tidak mempunyai kesempatan untuk mencapai hasrat mereka. Nyawa mereka hanya sampai dalam lingkungan jaring yang diciptakan oleh manusia.

Tangisan terus bergema di sana sini hampir di semua tempat yang aku lewati daripada jerat manusia yang ada terpasang di sana sini. Aku tahu betapa peritnya kehilangan dalam hidup seperti yang aku rasakan kehilangan spesiesku dan adik-beradikku yang menjadi mangsa jerat yang dipasang oleh manusia.

Tiba-tiba terdengar suara, "Bang tolong kami bang. Kami sudah kehilangan kedua orang tua kami dan kini kami tidak berani pergi ke mana-mana mencari makanan melainkan hanya mampu bertahan di sini. Bang lihatlah telah banyak adik-beradikku yang telah mati kebuluran tidak makan selama beberapa hari

ini. Tolonglah bang! bantu kami tunjukkan kami jalan yang selamat untuk kami mencari makanan dan bertahan hidup," rintih sang anak udang seakan memohon pengertian dan bantuan daripadaku.

Air mataku terus mengalir bersama air surut yang mengalir deras pada waktu petang ini. Seakan aku tidak sanggup lagi mendengar setiap perkataan yang diungkapkan oleh spesies anak udang itu. Aku sangat kasihan kepada mereka yang hanya mampu berselindung di sebalik kayu besar yang tenggelam di laut ini. Aku terus berenang dengan pantas untuk mencari tempat yang selamat. Banyak lumut untuk aku bawakan kepada semua anak udang yang sama spesies sepertiku untuk mencari makanan. Saat ini aku tidak lagi mampu berkata apa walaupun masih terdengar teriakan anak udang memohon supaya aku tidak pergi. Namun, aku terpaksa pergi juga mencari tempat yang selamat untuk mereka.

Setelah lama berenang aku mendapati sebuah tempat yang banyak hutan bakau tempat itu jarang dikunjungi oleh para nelayan. Aku berpatah balik mendapatkan semua anak udang itu dan membawa mereka ke tempat itu semula. Kulihat mereka tersenyum riang meskipun dalam keadaan lemah dan lapar kerana di tempat itu terdapat banyak lumut yang mereka boleh makan sepuasnya. Aku hanya mampu melihat dan menahan air mata menanggung pilu dan sayu melihat nasib spesiesku.

"Abang terima kasih abang," ucap anak-anak udang itu sambil tersenyum dan menangis gembira. Dalam hati kecil aku mahu melihat mereka besar dan berkeluarga nanti serta hidup aman damai. Belum sempat aku habiskan khayalanku, kulihat manusia datang dari arah hulu menuju ke kawasan muara untuk memasang tuba yang beracun.

"Abang tolong abang... sakit, sakit, sakiittt..." Laungan itu semakin kuat dan ngeri kurasakan. Aku cuba mendapatkan udang

lain yang sedang makan untuk aku bawa ke tempat lain yang selamat. Bukan hanya udang sahaja yang mati terkena air tuba itu, kulihat anak-anak ikan merah, kembura, sembilang, kerapu juga mati. Anak-anak mereka terpaksa berlari lebih jauh meninggalkan kawasan itu sambil menangis kehilangan orang tua mereka.

Dari jauh kelihatan beberapa ekor anak ikan merah berenang mengerumuni ibu dan ayah mereka yang telah terkorban terkena air tuba itu. Mereka meratapi dan seakan memohon agar orang tua mereka hidup kembali. Namun, semua yang pergi itu pasti takkan kembali. Manusia datang mengutip ikan merah yang terapung mati di atas permukaan air. Anak-anak ikan merah itu hanya mampu menangis menahan sakit dan pilu ditinggalkan oleh orang tua mereka.

Aku kembali tersedar dari renungan ke atas ikan merah tadi. Aku sangat bersimpati atas nasib yang menimpah mereka namun apakan daya aku hanyalah spesies udang kertas yang kecil dan lemah. Aku membawa anak-anak udang itu untuk pergi jauh. Belum sempat aku membawa mereka lari, mereka telah terjerat di pukat yang berlapis-lapis. Aku cuba menyelamatkan mereka namun aku tiada berdaya. Tenagaku takkan mampu dapat membantu mereka melepaskan diri daripada jaring pukat yang berlapis-lapis itu.

“Abang tolong, kami terasa sakit leher kami terjerut oleh benang pukat ini, sukar untuk bernafas,” luah anak udang itu kepadaku meminta untuk dilepaskan dari jaring itu. “Maafkan aku adik aku tak mampu membantu kamu kali ini kerana aku pasti akan mati jika terkena jerat jaring itu”. Aku berlalu pergi meninggalkan kawasan itu walaupun hatiku berat mendengarkan rayuan dan luahan anak-anak udang itu. Baru sebentar tadi mereka bebas terlepas daripada masalah dan kini jaring-jaring yang ada di laut ini menghapuskan riwayat mereka.

Tiba-tiba terdengar sorakan manusia di atas meraih keuntungan kerana mereka

mempunyai banyak hasil tangkapan ikan, udang, ketam. Manusia menarik pukat itu dengan gembira. Aku melihat anak-anak udang itu berasa takut sambil berteriak, “Tolong abang, selamatkan kami, kami juga mahu hidup... abang....” Suara itu terus hilang kerana mereka diangkat bersama pukat itu dan manusia itu bersama bot berlalu pergi. Aku berasa kesal dan sedih terhadap diriku sendiri. Aku gagal menyelamatkan mereka. Aku terus menangis dan menangis seakan tak tertanggung lagi perasaan rinduku pada anak-anak udang. Baru sahaja tadi hidup riang dan bebas dari kelaparan dan kini bertukar kepada situasi menghadap kematian yang menyeksakan.

Mengapa mereka tangkap anak-anak udang itu? Mereka masih kecil. Mereka juga mahukan hidup mahukan kebahagiaan. Mengapa tidak ambil aku sahaja kerana aku sudah dewasa. Kenapa mereka tidak diberi peluang untuk hidup lama. Jerit batinku yang pilu melihat keadaan ini. Pilu yang kurasakan kini terus berpesta dalam hatiku, rasa pilu ini juga seperti membunuh erti hidupku dan bagi pembunuh segala kebahagiaan dalam hidupku.

Aku terus mencari keluargaku yang sekian lama terpisah kerana banjir kuat. Semasa dalam perjalanan aku memerhati kiri, kanan, depan dan belakang untuk mengelak daripada terkena jerat manusia yang dipasang sepanjang siang dan malam. Hari sudah semakin gelap keadaan ini memudahkan aku untuk mengesan jerat yang dipasang oleh manusia kerana air laut akan bersinar dan memperlihatkan pergerakan. Namun, bukan semua hidupan laut yang memahaminya. Keadaan ini menyebabkan mereka menjadi mangsa habuan manusia.

Setiap hari yang kulalui hanyalah rasa pilu dan kesedihan yang pengakhirannya adalah kematian teman-teman yang kusayangi. Kulihat karang laut dan rumput parah diserang oleh pukat yang menariknya dengan ganas. Aku tahu rumput dan karang itu juga pasti mahu hidup lebih lama sebagai habitat untuk

segala hidupan dan sebagai pengeluar makanan kepada hidupan laut.

Setiap hari selama dalam perjalananku mencari kedua orang tuaku, aku melakarkan dan melukiskan impianku pada pasir yang seakan setia mendengar segala luahan hati dan perasaanku yang bercampur-baur ini. Dalam lakaran dan lukisan itu membawa maksud aku inginkan kebebasan, umur panjang, serta kebahagiaan hidup.

Lakaran lukisan itu juga aku buat untuk kusampaikan kepada semua hidupan moga mereka dapat memahami serta dapat membaca maksud daripada lakaran dan simbol tersebut. Setiap hari aku mencari-cari makna apalah erti hidup ini andai selalu ada kesedihan, kesakitan, kematian. Hidup ini seperti tiada makna lagi buat hidupan yang ada di laut ini. Anak-anak ikan dibunuh pada setiap hari dengan kejamnya.

Setelah lama aku dalam perjalanan dan setelah lama aku memikirkan tentang nasib keluargaku, akhirnya aku sampai di suatu tempat yang aman damai, dan sejahtera. Aku cuba melihat ke kanan dan kiri kalau-kalau ada kelibat ayah dan ibuku. Ternyata semua harapanku hampa.

Aku berteduh di tempat ini selama beberapa waktu dan menumpang kasih sayang di kawasan ini. Ternyata sudah lama aku tidak bermanja-manja dengan kedua orang tuaku. Adik-beradikku belum sempat aku temui. Mereka mati angkara manusia yang menggunakan pukat yang ditarik menggunakan enjin yang mereka gunakan.

Kebahagiaan yang ada di sini rupanya tidak bertahan lebih lama kerana pencemaran air akibat tindakan kapal-kapal besar yang mencuci kapal mereka. Segala minyak dan toksik dibuang di laut. Dan akhirnya menyebabkan hidupan yang ada di tempat ini terpaksa pergi jauh meninggalkan tempat ini untuk menyelamatkan diri mereka.

Belum sempat mereka pergi jauh banyak hidupan seperti udang, ikan yang telah mati

akibat terkena bahan toksik yang dibuang oleh kapal-kapal nelayan yang besar. Mujurlah aku selamat kerana bertindak lebih awal pergi menjauhi kapal itu sebaik sahaja aku menyedari kapal itu berlabuh di tempat ini.

Aku meneruskan perjalananku. Waktu petang ini menunjukkan aku hampir tiba. Setiba waktunya senja aku berehat di sebatang pokok sambil melihat ke arah matahari yang terbenam sambil memikirkan segala kesusahanku selama ini.

Selama malam itu aku tidak tidur. Fikiranku terus berputar seperti putaran bumi yang kulihat pada siang dan malam. Entah apakah akhirnya kehidupanku ini. Aku menganggap semua yang kulalui selama ini adalah kenangan terindah bagiku. Segala tangisan yang ada di sekeliling kujadikan sebagai nyanyian yang selalu menghiburkan aku dan segala pengalaman pahit yang terjadi dalam hidup kujadikan ianya sebagai lakonan yang mana aku adalah watak penerus bagi semua ini. Namun pada akhirnya aku tewas, aku tidak mampu menipu perasaanku sendiri. Tetapi hanya itu sahaja yang mampu aku lakukan untuk bertahan hidup.

Setiap kali denyutan dan hembusan insangku di dalam air terasa ibarat itulah detik kesakitan masuk dalam hati dan fikiranku hingga kini ianya masih terasa terluka parah. Malam-malam yang kulalui tidak seperti di tempat lain rasakan yang mana kawasan mereka adanya perlindungan bagi hidupan laut. Aku sangat cemburu kepada mereka namun apakan daya di sini adalah tempatku. Aku hanya perlu memikirkan strategi untuk menyelamatkan semua generasiku daripada terus pupus seperti yang berlaku pada ikan-ikan yang ada di laut ini.

Aku meneruskan perjalananku dengan penuh berhati-hati aku ingin hidup lebih lama lagi untuk terus menyelamatkan sebahagian generasi udang walaupun tidak semuanya. Tetapi usahaku selama ini seakan memberikan maksud bahawa tiada peluang bagiku

meneruskan misiku, segala yang aku lakukan semuanya gagal. Aku telah kehilangan kedua orang tuaku yang sangat aku sayangi sejak kecil dan kehilangan adik-beradik dan saudara-maraku yang lain, dan aku juga kehilangan teman, dan orang yang ada di kampungku.

Laut pasang surut seakan merekodkan segala pengalaman yang aku lalui selama ini seperti ianya juga merasai segala apa yang aku rasakan selama ini dan seakan ianya mampu mengerti setiap harapan dan segala perasaan yang terpendam dalam hatiku. Setiap makhluk yang ada dalam dunia ini pasti ingin merasai kebahagiaan dalam hidup mereka. Semua makhluk dalam dunia ini pasti ingin dihargai hidup mereka. Kerana segala sesuatu yang ada dalam dunia ini milik Maha Pencipta. Sesiapa pun berhak untuk hidup aman dan bahagia.

Aku menyusur sepanjang aliran arus melalui pasir-pasir di laut ini, sedikit demi sedikit aku mencapai lumut yang ada di hadapanku untukku makan. Yang membuatkan aku kuat sekarang ini adalah harapan dan semangat yang kuat untuk terus hidup. Namun, semangat dan harapan ini hampir tewas dek cabaran dan ujian yang seakan tak mampu aku tanggung lagi. Apa pun ujiannya, aku terpaksa reda mungkin inilah suratan takdir bagi diriku.

Takdir ini mungkin saat terakhir dalam hidupku. Aku tak tahan lagi menahan bebanan perasaan yang kian lama kian menyentap perasaan sedih dan pilu dalam kesayuan yang mewarnai air laut biru dengan keperitan dan kesakitan. Entah sampai bila keadaan ini terus membelenggu hidupku.

Waktu pertukaran angin monsun adalah saat yang bahagia buat segala hidupan laut kerana manusia tidak berani untuk turun ke laut. Pada masa inilah kesempatan dan waktu yang berharga buat semua generasi laut membiak dan terus membiak bagi menggantikan generasi yang telah ditangkap oleh manusia agar ianya tidak lenyap daripada dunia ini.

Cemas terus memenuhi pentas hatiku kerana kebimbangan yang menggunung ibarat gelora laut angin barat melanda Teluk Marudu di mana tempat aku menetap bersama ribuan spesies laut yang lain. Aku takut belum sempat untuk semua hidupan laut membiak dan bertelur, mereka sudah ditangkap oleh manusia. Mujur masa pertukaran angin monsun agak lama dan semua spesies laut dapat membiak sebanyak dua dan tiga kali dalam tempoh masa itu.

Masa pertukaran angin monsun telah tamat. Aku mula kembali cemas, banyak hidupan laut telah ditangkap. Manusia mula beroperasi. Kalau ini berterusan bagaimana spesies lautan boleh bertahan untuk hidup lama. Lama-kelamaan mereka akan pupus seperti tragedi terburuk dalam hidupku di lubuk kayu mati yang mana banyak spesies menjadi korban.

Masa terus berlalu bersama jutaan hidupan laut yang ditangkap oleh manusia. Aku pun tidak pasti sampai bila keadaan ini berterusan. Mungkinkah selepas ini aku juga akan menjadi mangsa seterusnya yang pada akhirnya membawa kesudahan iaitu kematian nyawaku bersama hidupan lain.

Aktiviti nelayan di laut segalanya terhenti dengan tiba-tiba, aku terlupa inilah waktu *red tide*. Pada waktu *red tide*, manusia tidak akan memakan hidupan laut kerana mereka takut akan racun yang kami makan melalui rumpai laut akan sampai ke tubuh manusia. Mungkin inilah cara rumpai laut membala dendam kepada manusia yang mengeluarkan racunnya untuk membala dendam dan menyelamatkan kami semua spesies laut daripada ditangkap oleh manusia. *Red tide* ini biasa mengambil masa yang agak lama dan ini adalah peluang kedua bagi generasi hidupan laut untuk membiak dan meneruskan generasi mereka agar tidak pupus kerana aktiviti nelayan di laut akan bermula lagi setelah waktu *red tide* sudah habis. **W**

## Episod Hidup

*Pada kehidupan*

*yang tidak pernah selesai  
manusia terus memburu bayang  
di kepulauan cinta atau di gua-gua sepi.*

*Pada kehidupan yang terus berjalan  
kita perlu terus berlari  
mencapai mimpi yang tak sudahnya  
namun ada ketikanya  
kita akan terus tersungkur  
lalu mempelajari erti sepi  
dan mengenal jerit perit batin.*

*Pada kehidupan*

*yang tak ada jawapannya  
kita harus terus belajar untuk bertanya  
dan sabar menunggu butiran jawaban  
meskipun sebarang pertanyaan  
tak ada jawabnya  
tapi kita harus merencanakannya.*

*Pada kehidupan yang semakin sepi  
belajarlah berdiam diri  
dalam gua sepi yang maha hebat  
dan mentarbiahkan kedaifan diri.*

*Pada kehidupan yang semakin letih  
kita harus belajar untuk bahagia  
meskipun berjalan di atas bara kehidupan.*

*Pada kehidupan yang semakin indah  
kitalah sang kekasih  
yang tak pernah mengerti.*

Norawi Haji Kata

## Suara Kita

*Suara kita*

*bergema diksi demi diksi  
mengakar perjuangan tidak bertepi  
pada hakikat kehidupan insan.*

*Mendepani cabaran musim  
di kaki dian  
kita merobah suara  
wajah 1Malaysia.*

*Suara kita*

*bergema pada alur fikir dan zikir  
kejap dalam persaudaraan*

*Ini suara kita  
suara kekuatan  
suara perjuangan  
suara keramat.*

Juilis Mokujal

## Di Manakah Maruah Orang Melayu?

Judul: Kumpulan Cerpen *Sepi Makin Memanjang*

Penulis: Azizi Haji Abdullah


Pengulas: Zaharudin Abdul Rahman

Nama Azizi Haji Abdullah (Allahyarham) sebagai seorang penglipur sastera Melayu tanah air sudah lama terukir. Beliau telah banyak meraih hadiah sastera tanah air anjuran Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Utusan Melayu dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kemenangan ini semakin mengukuhkan dan menjulang nama Azizi dalam persada kesusteraan tanah air.

Buah tangan Azizi sama ada novel, cerpen, eseи atau kritikan sastera sudah banyak yang disajikan kepada peminat sastera tanah air. Karya-karya yang diketengahkan adalah bahan yang sangat asli, yang lahir dari keikhlasan serta ketulusan Azizi dalam bidang penulisan yang dicintai oleh Azizi.

Dengan gaya penulisan yang bersahaja jugalah, kesemua 20 buah cerpen yang terdapat dalam buku ini, Kumpulan Cerpen *Sepi Makin Memanjang* dihasilkan. Rencahnya tetap sama iaitu persoalan dan permasalahan hidup masyarakat masa kini. Walaupun permasalahan hidup yang dikupas adalah isu serius tetapi gaya persembahannya yang mudah membuatkan pembaca akan cepat memahami akan maksud yang tersirat. Unsur-unsur jenaka yang diselitkan Azizi bukan sahaja dapat mencuit hati sesiapa yang membaca karya

tersebut tanpa meminggirkan mesej yang lebih penting yang ingin disampaikan. Sindiran sinis



## ULASAN BUKU

dan agak pedas diselitkan unsur jenaka yang membuatkan pembaca berasa sangat terhibur.

Sesuai dengan profesi Azizi sebagai seorang pendidik, Azizi mempunyai landasan yang cukup kuat bagi mencari arah kiblat kepada semua hasil karyanya seperti di dalam cerpen

“Sang Wahabi Mencari Tuhan”, “Yang Kelelap di Empangan”, “Yang Gencer Iman”, “Ranjir Khur” – iaitu pencarian individu mencari cahaya iman. Bahkan tema bagi kesemua cerpen yang disajikan adalah membawa mesej keagamaan, menulis dan berdakwah - mengajak semua manusia kepada kehidupan berakidah. Teknik yang digunakan ini sekali gus menyuntik satu aura kesegaran kepada bahan-bahan penulisannya.

Dengan pegangan teguhnya “aku adalah aku” membuatkan Azizi mempunyai jati diri yang kuat dalam penulisannya. Azizi berjaya menggarap nilai-nilai pemikiran yang positif, dengan stil dan gaya yang tersendiri, dan menekankan kepada pembentukan nilai-nilai akhlak dan moral yang tinggi dalam pembinaan sahsiah manusia.

Dalam “Ilahi Rajiun”, Azizi mengajukan persoalan kepada Allahyarham Tan Sri Samad Ismail - “Perlukan penulis jujur dalam tulisannya?” Persoalan itu terjawab dalam semua hasil karya Azizi iaitu penulis tidak boleh berbohong kerana penulis mesti menjadi dirinya dan tidak orang lain dalam berkarya. Di sinilah kekuatan Azizi dalam semua cerpennya.

Menariknya buku ini terletak pada semua tajuk yang memukau pandangan pembaca serta tajuk-tajuk yang sentiasa diberi nafas baru seperti “Angioplasti Primer” dan “Vertigo Tinnitus”, istilah-istilah sains tetapi sesuai dan menarik sebagai tajuk cerpen.

Azizi berusaha menyelitkan isu perbandingan agama Islam dengan agama-agama lain dalam cerpen “*Ranjit Khur*” dan isu pengampunan dosa yang dilakukan oleh orang yang membuat dosa, dalam cerpen “*Yang Kelelap di Empangan, Yang Gencer Iman*”.

Khususnya dalam membicarakan buku Kumpulan Cerpen – *Sepi Makin Memanjang*, kekuatan Azizi tetap sama iaitu gayanya tetap bersahaja. Kisah-kisah kehidupan yang dipetiknya adalah kisah-kisah yang berlaku dalam kehidupan seharian kita.

Dengan gayanya yang bersahaja, Azizi melahirkan karya-karya yang mempunyai mesej yang kuat, menyeru semua peringkat manusia supaya balik kepada tunjang berakidah iaitu kepada pegangan agama Islam. Walaupun Azizi telah kembali ke rahmatullah tetapi seruannya akan tetap berkumandang hingga ke akhir zaman nanti. Insya-Allah.

Azizi juga tidak jemu-jemu dan cukup bersemangat apabila membincangkan tentang orang Melayu dan maruah mereka – di mana maruah orang Melayu sebenarnya? Persoalan ini sering diulang-ulang dalam cerpen “Seorang Melayu di Tengah-tengah Bandar Raya” dan “Harga Sebuah Maruah” sebagai satu pengharapan Azizi agar orang Melayu tidak lupa diri.

Azizi Haji Abdullah, terkenal dengan novel yang berjudul *Seorang Tua di Kaki Gunung* meninggal dunia pada 21 Ogos 2011. Azizi dilahirkan pada tahun 1942 dan pernah memenangi Hadiah Sastera Asia Tenggara (Hadiah Sastera MASTERA ke-5) pada tahun 2005. Azizi aktif melahirkan karya novel serta kritikan politik berunsur satira. *Badai Cinta* adalah novel terakhir Azizi. *W*

# “Membaca” Tiga Puisi Pilihan

---

oleh ZAITON AJAMAIN

---

*“Poetry essentially is a figurative language, concentrated so that its form is both expressive and evocative. Figurative is a departure from the literal, and the form of a great poem itself can be a trope (“turning”) or figure a common dictionary equivalent for “figurative language” is “metaphorical”, but a metaphor actually is a highly specific figure or turning from the literal...”*

(hlm 1)

*“... The art of reading poetry begins with mastering allusiveness in particular poems, from the simple to the very complex....”*

(hlm 12)

*“... What makes one person better than the other? The question always central to the art of reading poetry, is more essential today than ever before ....”*

(hlm 25)

*“ ... The art of reading poetry is an authentic training in the augmentation of a consciousness, perhaps the most authentic of healthy modes ....”*

(Sumber: *The Art of Reading Poetry*, Harold Bloom, terbitan Perennial, 2005, USA)

**E**mpat petikan berkaitan seni “membaca” puisi, menurut Harold Bloom, atau “*the art of reading poetry*” dipetik betapa pentingnya proses penciptaan sesebuah karya, sama ada fiksyen, puisi atau skrip drama.

Penulis/Pengarang menghasilkan karya sebagai rakaman pemikiran dan perasaan, sementara pembaca/penulis analisis/apresiasi/kritikan “membaca” pada pelbagai tahap/peringkat.

Ini bererti, proses penciptaan sesebuah karya sastera bukanlah satu kerja yang sewenang-wenang dilaksanakan. Sebagai contoh, sesebuah puisi yang berhasil tidak semata-mata “letupan” perasaan/reaksi terhadap sesuatu.

Sesuatu isu/persoalan yang ingin diutarakan melalui apa genre sekalipun memerlukan “perenungan mendalam” yang kemudian dirakamkan melalui diksi/ungkapan pilihan penulisan/pengarang. Ini kerana “membaca” pada lapis pertama, sekadar membaca kata ke kata, baris ke baris, ungkapan ke ungkapan. Pada tahap ini, belum ada usaha pentafsiran/interpretasi serius membaca *underlying structure* atau yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Dalam beberapa siri analisis/“pembacaan” penulis, telah penulis tekankan betapa pentingnya proses/usaha: tiga “c”: cerakin (analisis), cerap (tanggapi), dan cipta (proses penghasilan karya/proses “hasil cipta”/proses penciptaan sebenar, ini diikuti proses “pembacaan” yang dirujuk Harold Bloom sebagai *the art of feeding poetry*/seni membaca/pembacaan puisi – baca, “baca”, bicara/bahas.

## ANALISIS PUISI PILIHAN

*Wadah* untuk terbitan kali ini memilih tiga puisi untuk “dibaca” dan “dibicara”: “Puisi buat Teman” karya Rozeline Vitalis, “Api dalam Sekam” hasil tulisan Abdul Nasir Haji Paisal dan “Bicara Kita” nukilan Dg. Mastura.

Bagi “pembacaan” pertama, ketiga-tiga puisi pilihan *Wadah* kali ini mudah untuk “ditelaah” diperiksa/diteliti/diselidik. “Bicara Kita” membicarakan tentang: “dunia kita,yang kecil ini/dunia yang kecil dengan penghuni kerdil berjiwa besar...”. Sementara “Api dalam Sekam” pula, semudahnya membicarakan “api dalam sekam”! Mengingatkan saya tentang peribahasa “Seperti Api dalam Sekam” – (a) perbuatan jahat yang tersembunyi; atau (b) cinta yang terpendam. Puisi “Puisi buat Teman” pula semudahnya catatan tentang seorang teman yang baik – “... umpama sebutir permata yang/kutemui di celah pepasir yang/berkilauan/membuat aku tersilau oleh kebaikan/hatimu yang tulus....”

Ketiga-tiga puisi sangat mudah “dibaca” untuk tujuan analisis setelah “dibaca”/ditanggapi. Sesungguhnya, menulis/mencipta karya berkaitan isu/tema/persoalan yang dekat dengan diri sangatlah mudah. Diksi juga sangat mudah, tiadalah kata-kata yang “bombastik” sifatnya jauh sekali abstrak/absurd.

Sungguhpun demikian, seperti selalu diperlukan, semudah mana pun persoalan yang telah cuba dicerakin, dicerap, jika dibumbui dengan nilai estetika yang tinggi, maka sesbuah ciptaan/karya yang telah melalui proses penciptaan yang *intense*, berupaya diungkapkan dengan ungkapan-ungkapan segar, kata-kata yang diberi nafas baharu. Sebagai contoh “menganyam sutera kasih”, “di atas bara api”, “titian kehidupan”, “sebutir permata”, “mekar di taman hatiku”, “tiada ucapan seindah bahasa”, dalam “Puisi buat Teman” – sangat kita kenali dan cukup klise.

“Api dalam Sekam” – berbicara tentang: jika “sekeping hati” – “dihiris, dicincang,

Bagi “pembacaan” pertama, ketiga-tiga puisi pilihan *Wadah* kali ini mudah untuk “ditelaah” diperiksa/diteliti/diselidik. “Bicara Kita” membicarakan tentang: “dunia kita,yang kecil ini/dunia yang kecil dengan penghuni kerdil berjiwa besar...”. Sementara “Api dalam Sekam” pula, semudahnya membicarakan “api dalam sekam”! Mengingatkan saya tentang peribahasa “Seperti Api dalam Sekam” – (a) perbuatan jahat yang tersembunyi; atau (b) cinta yang terpendam. Puisi “Puisi buat Teman” pula semudahnya catatan tentang seorang teman yang baik – “... umpama sebutir permata yang/kutemui di celah pepasir yang/berkilauan/membuat aku tersilau oleh kebaikan/hatimu yang tulus....”

dirobek, dan disakiti”, maka: “punah dan sirnalah susu sebelanga/dek petualang menabur sengketa...”. Ungkapan “susu sebelanga”, dikaitkan dengan “nila setitik” – “sebab nila setitik, rosak susu sebelanga”. Tentunya, memerlukan ungkapan segar.... Akhirnya, mungkin kita memilih makna pertama bagi “Api dalam Sekam” – “Perbuatan jahat yang tersembunyi”.

“Membaca” ketiga-tiga puisi, terutama apabila buat kali pertama bertemu tajuk: “Bicara Kita”, “Api dalam Sekam”, “Puisi buat Teman” sesungguhnya memaksa kita untuk “membaca” pada lapisan kedua yang tersirat di sebalik yang tersurat. Ketiga-tiga puisi juga, memerlukan pelbagai pembacaan oleh penulis – yang utama ialah penyaringan, penyuntingan, dan pemurnian tuntas!

Semoga para penulis/pengarang akan lebih berhati-hati, supaya apa yang dicerakin, dicerap, dicipta akan lebih segar, dan sangat bitara! Selamat berkarya. **W**

# Dialog Borneo – Kalimantan ke-11

oleh MASMAH MOHD ALI



Perasmian Dialog Borneo - Kalimantan ke-11.

Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perbadanan Labuan dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS KAL) dengan kerjasama Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA) telah menganjurkan Dialog Borneo-Kalimantan ke-11 pada 27 hingga 28 Jun 2013 di Wilayah Persekutuan Labuan.

Seramai 150 peserta yang mewakili Negara Brunei Darussalam, Kalimantan Indonesia, Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan telah menghadiri Dialog Borneo-Kalimantan.

Antara tujuan Dialog Borneo-Kalimantan ke-11 ini diadakan adalah untuk:

- i. Menghimpunkan para pengarang, sarjana dan peminat bahasa, sastera dan budaya untuk membincangkan persoalan-persoalan bahasa, sastera dan budaya dalam tema-tema tertentu yang bersesuaian dengan keadaan semasa.
- ii. Memberikan ruang kepada para pengarang dan sarjana untuk bertemu dan membincangkan karya-karya



Pelancaran antologi puisi “Kepada Sahabat” dan “Sepulau Sekasih Kita” edisi ke-2.

mereka.

- iii. Memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang perkembangan bahasa, sastera dan budaya mutakhir.
- iv. Membuat rumusan dan cadangan untuk meningkatkan kualiti karya bahasa, sastera dan budaya dalam konteks membina peradaban bangsa Melayu di peringkat serantau.
- v. Menghargai jasa dan sumbangan para penulis, sasterawan dan budayawan dalam persatuan masing-masing.
- vi. Berusaha menerbitkan karya-karya penulis serantau.

Dialog yang bertema “Merekayasa Citra Sastera Borneo” ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, Ahli Dewan Negara merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan di Dewan Utama, UMS KAL.

Pada majlis itu, YB Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus turut melancarkan dua buah buku antologi puisi iaitu Antologi Puisi *Kepada Sahabat* terbitan DBP Cawangan Sabah bersempena dengan Dialog Borneo-

## KEGIATAN

Kalimantan 2013 dan Antologi Puisi *Sepulau Sekasih Kita* Edisi ke-2 terbitan Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA).

Dalam Dialog Borneo-Kalimantan 2013, tujuh belas buah kertas kerja dibentangkan iaitu:

- i. Merekayasa Citra Sastera Borneo (Ucap Utama) oleh YBhg. Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar, Ketua Satu GAPENA.
- ii. Novel Mutakhir Brunei: Setia kepada Warisan Budaya dan Flora Faunanya oleh Sahlan Mohd Saman.
- iii. Penyelenggaraan Perkahwinan Puak Melayu Brunei: Beberapa Penghakisan Budaya Tradisional oleh Haji Md Hussain Abdul Rahman- Brunei Darussalam.
- iv. Melayu dan Kemelayuan Diaspora Identifikasi dan Kesedaran Etnis oleh Prof. Dr. H. Syarif Ibrahim Alqadrie, Universitas Tanjung Pura, Puntianak.
- v. Penerapan Unsur Keindahan Tutur Budaya Dalam Mantera Melayu oleh H a j i J a w a w i H a j i A h m a d (ASTERAWANI).
- vi. Penulis Lama Perlu Diberikan Perhatian Sewajarnya oleh Jasni Matlani (BAHASA).
- vii. Merekayasa Citra Sastera Borneo: Identiti dan Kreativiti oleh Prof. Madya Ampuan Dr. Haji Brahim (Universiti Brunei Darussalam).
- iii. Mencari Kearifan Lokal dalam Cerpen-cerpen Terpilih Penulis Sarawak dan Kalimantan Timur oleh Abang Patdeli bin Abang Muhi, A.B.K. (DBPMalaysia).
- ix. Mutu dalam Pengkaryaan Para Penulis Muda Sabah dan Cabaran-cabarannya: Suatu Tinjauan Umum oleh Mabulmaddin Shaiddin (IPS).
- x. Penguasaan IT Memperluaskan Hasil-hasil Sastera di Kalimantan Selatan oleh Drs. H. Syarifuddin R (KALSEL).
- xi. Penulis Pelbagai kaum di Sarawak dalam Sastera 1 Malaysia oleh Jaya Ramba (PUTERA).
- xii. Merekayasa Citra Sastera Borneo-Kalimantan dalam Konteks GAPENA dan Badan-badan Gabungannya oleh Hamzah Hamdani (GAPENA).
- viii. Pembacaan Beberapa Buah Sajak dalam Antologi Dialog Borneo-Kalimantan Ke-11 melalui Nazrah Teori Tindak Balas Pembaca oleh Ja'afar Haji Hamdan (PEKASA).
- xiv. Penonjolan Islam di dalam Karya Sastera Negara Brunei Darussalam oleh H a j i M o h d F i r d a u s b i n O r a n g K a y a K a y a H a j i N o o r d i n (ASTERAWANI).
- xv. Perkembangan Drama di Malaysia dalam Konteks Pemikiran dan Kemajuan dalam Negara oleh Haji Ismail Kassan (TEMA).
- xvi. Jangkar sebagai Ikon Labuan oleh Prof. Madya Dr. Ismail Ali (UMS KAL).
- xvii. *Folklore* Melayu Retorik bukan Pengucapan Politik oleh Lokman Abdul Samad.
- xviii. Arsitektur Perkataan Pontianak: Absorpsi dan Aplikasi Budaya Lokal dalam Merekayasa Citra Kalimantan oleh Roossandra Dian Viejaya Al-Qadrie (KALBAR).

Sebagai aktiviti tambahan, para peserta Dialog dibawa menyaksikan pementasan Teater Pendek di Anjung Budaya Perbadanan, Taman Damai dan peserta juga dibawa melawat tempat bersejarah di WPLabuan.

Majlis perasmian penutupan Dialog Borneo-Kalimantan ke-11 dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Rozman Datuk Haji Isli, Ahli Parlimen Labuan, di Dewan Theattrette UMS KAL dengan penyerahan sijil kepada Tuan Rumah Dialog Borneo Kalimantan ke-12 iaitu Kuching, Sarawak. Majlis tersebut juga diserikan dengan persembahan gambus Seri Kenangan, persembahan tarian SMK Pantai, persembahan tarian kebudayaan Perbadanan Labuan dan bacaan puisi oleh wakil peserta. **W**

# Festival Teater Pendek 2013

oleh: WELTER MICHEAL



Kumpulan Teater USM.



Kumpulan Teater Matrikulasi Labuan.



Kumpulan Teater Pearl.



Kumpulan Teater Rusta.

**F**estival Teater Pendek 2013 telah diadakan di Dewan Besar, DBP Cawangan Sabah pada 2 Julai 2013. Festival ini bertujuan untuk meningkatkan apresiasi serta mempopularkan teater pendek dalam kalangan masyarakat.

Empat kumpulan teater telah mempersembahkan teater masing-masing, iaitu Kumpulan Teater Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA) dengan tajuk teater *Cerai* karya Khairul Amin Misra arahan Abdul Karim Gullam, Kumpulan Teater Rumpun Seni Tawau (RUSTA) dengan tajuk teater *Neo-Romantik*, karya Aloy Paradoks arahan Mamin Kolian, Kumpulan Teater Kolej Matrikulasi Labuan dengan tajuk teater *Lu dalam Gua*, karya Moh Azam Rezali arahan Aizamin Abd. Aziz, dan Kumpulan Teater Pearl dengan tajuk

teater *Maharaja Maksiat* karya Shahril Ya'acob, arahan Jasmini Daud.

Selain pementasan teater pendek, Kumpulan Teater Dewan Budaya USM turut diundang khas untuk mengadakan persembahan monodrama bertajuk *Nisya Khaled* karya dan arahan Senibayan dan *Surat untuk Mama* karya Azhar Jalil, arahan Azrul Azizi Amirul. Dengan penganjuran Festival Teater Pendek 2013 ini, diharapkan dapat menyuntik semangat penulis muda untuk berkarya dan menghasilkan karya bermutu. Festival Teater Pendek 2013 sekali gus dapat memberikan peluang kepada dramatis muda tempatan memamerkan hasil karya mereka selaras dengan usaha DBP mempromosikan dan mengetengahkan karyawan dan karya sastera bermutu. **W**

## Lebaran yang Mati

*Biarpun tabuh neraka membazir itu  
dipalu seawal 571 Masihi  
namun...  
dalam degup jantung Syawal  
sering kali ghairah amarah  
merajai takhta gembira manusia buih  
mencantas tunas Ramadan  
di fajar Aidilfitri.*

*Antara konflik sederhana dan membazir  
pertimbangan didasari piala ujub dan riak  
atas nama bahagia dan bangga  
antara syukur dan meriah  
pilihan dibayangi dogma nafsu semata.*

*Takbir hanya kalimat tanpa jiwa  
di balik hijab takbur  
muhasabah mati dalam hidup raya  
silaturahim dinoda taasub angpau  
ziarah diwarna sumbang mahram  
terantai kaki dipasung wajah elektronik  
falsafah rumah terbuka senipis kulit bawang  
kemaafan secebis pepura  
lalu salam bertukar hedonisme  
di lebaran yang mati.*

Ismail Ag. Piut

# Cerpen Gambaran Primer

oleh S.M. ZAKIR

Dalam kehidupan bermasyarakat, keluarga merupakan titik terkecil dan asas utama dalam mewujudkan sesebuah masyarakat. Teori sosiologi menyebut keluarga sebagai *primate order* iaitu unit atau organisasi yang paling asas dalam masyarakat. Keluarga dilihat sebagai titik terbangunnya masyarakat. Kehidupan bermasyarakat manusia bermula daripada keluarga, yang kemudian membesar dengan gabungan beberapa keluarga lain dan mewujudkan rantaian kelompok yang membesar lalu berkembang membangunkan kampung, mukim, daerah, pekan, kota, negeri dan negara. Keluarga merupakan unit asas atau unit primer dalam sebuah organisasi masyarakat. Cerita tentang kehidupan dalam sesebuah keluarga; berkisar kepada hubungan anak, ibu, bapa, datuk, dan nenek serta segala persoalan, konflik, dan perjalanan kehidupannya adalah sebuah gambaran asas tentang sesebuah masyarakat. Malah ia juga boleh menjadi suatu bentuk gambaran budaya sesebuah masyarakat. Oleh itu, cerpen yang menceritakan tentang kehidupan sesebuah keluarga, sekali gus berdiri dengan tema kekeluargaan itu dapat dilihat sebagai pemaparan kehidupan dan budaya masyarakat secara mikro.

Dua buah cerpen yang diulas kali ini mengangkat tema kekeluargaan. Sebuah cerpen mengangkat cerita sebuah keluarga yang diikat oleh keutuhan kenangan silam, dan sebuah cerpen yang mengangkat hubungan sebuah keluarga besar yang menghadapi saat kehilangan tunggak keluarga iaitu ayah mereka. Cerpen “Vanilla Shah di Jambori” karya Arni Majohn mengisahkan protagonis

**Teori sosiologi menyebut keluarga sebagai *primate order* iaitu unit atau organisasi yang paling asas dalam masyarakat. Keluarga dilihat sebagai titik terbangunnya masyarakat. Kehidupan bermasyarakat manusia bermula daripada keluarga, yang kemudian membesar dengan gabungan beberapa keluarga lain dan mewujudkan rantaian kelompok yang membesar lalu berkembang membangunkan kampung, mukim, daerah, pekan, kota, negeri dan negara. Keluarga merupakan unit asas atau unit primer dalam sebuah organisasi masyarakat. Cerita tentang kehidupan dalam sesebuah keluarga; berkisar kepada hubungan anak, ibu, bapa, datuk, dan nenek serta segala persoalan, konflik, dan perjalanan kehidupannya adalah sebuah gambaran asas tentang sesebuah masyarakat. Malah ia juga boleh menjadi suatu bentuk gambaran budaya sesebuah masyarakat.**

---

Aku atau Uncle Zaini yang menghadiri sebuah jambori pengakap dan terkesan dengan bau vanila seorang gadis peserta jambori itu. Ia segera membawa kenangan Aku kepada anak angkatnya Tengku Shah yang menggilai seorang gadis sehingga mendatangkan kesan trauma yang hebat dalam kehidupan anak

angkat kesayangannya itu. Melihat kembali latar belakang cerita, Aku berkahwin dengan Tengku Farhana yang kemudiannya meninggal dunia akibat sakit. Aku keseorangan tanpa zuriat. Aku menetap selama 10 tahun di United Kingdom kerana ingin meninggalkan kelukaan yang tidak terubat. Namun sebelum itu, Aku dan isterinya Tengku Farhana membela anak kandung abang Tengku Farhana iaitu Tengku Shah; yang ditatang seperti anak mereka sendiri. Setelah Tengku Farhana meninggal dunia, Tengku Shah terus tinggal di vila mereka demi menjaga kenangan Aku kepada keluarga yang pernah dimiliki Aku. Pertemuan Aku dengan si gadis vanila atau Jane Magenta Putera membawa kenangan Aku kepada isterinya Tengku Farhana dan anak angkat kesayangannya Tengku Shah. Jane meminta kepulangannya ke Sabah dirahsiakan daripada Tengku Shah, yang menganggap bahawa mereka tiada jodoh. Aku yang pada mulanya gembira untuk mempertemukan kembali Tengku Shah dengan gadis yang digilainya, mengurungkan niatnya kerana menghormati prinsip hidup Jane.

Cerpen ini memberikan gambaran tentang Aku yang pernah memiliki sebuah keluarga walaupun kecil, tetapi kehilangannya dalam sekelip mata sehingga meninggalkan trauma kesedihan sepanjang hayatnya. Aku tidak merasakan untuk mempunyai sebuah keluarga lagi kerana bagi Aku, dia hanya mempunyai Tengku Farhana dan tidak mungkin mempunyai orang lain selain daripada Tengku Farhana. Maka Aku hidup dalam keutuhan kenangan dan bayangan kehidupan berkeluarganya pada masa lalu. Tengku Shah adalah satu-satunya realiti kepada bayangannya, tetapi harapannya untuk menghidupkan kembali jiwa Tengku Shah berkubur kerana Aku menyedari seperti dirinya, kehidupan lampau tidak mungkin dapat dihidupkan kembali. Jane bukan lagi untuk Tengku Shah, dan peristiwa lampau tidak

akan dapat dihidupkan lagi pada hari ini. Ia adalah kenangan yang wujud sebagai kenangan dan tidak mungkin dapat dihidupkan sebagai kenyataan pada hari ini. Cerpen ini berkesudahan dengan hal yang sedemikian. Walaupun mungkin cerpen ini hanya memberikan sebuah cerita yang sederhana, tetapi ia masih mampu membina kekuatan cerita dan falsafahnya secara sederhana dan bersahaja. Plot, watak dan perwatakan, latar serta persembahannya boleh dikatakan baik serta mampu memberikan olahan cerita yang dapat dihayati oleh pembaca. Apa yang menarik, cerpen ini dilihat memberikan gambaran tentang sebuah kehidupan keluarga yang hidup dalam keutuhan kenangan; demi menjaga prinsip kesetiaan dan kepasrahan kepada takdir, dengan sikap optimis yang teguh. Ia bersahaja tetapi menarik dan bermakna.

Sementara cerpen “Tangisan Sepi” oleh Welin Ebol menghidangkan cerita yang diiasi teknik dan gaya persembahan yang menimbulkan suasana saspens, ingin tahu dan konflik emosi yang menguja hati pembaca. Penulis berjaya menjadikan kisah sebuah keluarga yang sedang menghadapi puncak kesedihan dalam hidup mereka pada saat kematian ayah mereka dengan pemaparan suasana yang bukan sahaja menggambarkan hubungan anggota keluarga tetapi juga budaya masyarakat di Sabah secara umumnya. Secara tidak langsung, cerpen ini dapat menggambarkan unit keluarga sebagai gambaran mikro kepada kehidupan dan budaya masyarakatnya. Kisah cerpen ini bermula dengan gambaran suasana tegang empat beradik iaitu Nelena, Hanirah, Tini dan Ben yang berada dalam kereta dalam perjalanan menuju ke suatu tempat. Terdapat gejolak emosi dalam jiwa Nelena, dengan mimik muka tegang setiap orang yang ada dalam kereta tersebut. Akhirnya mereka tiba di hospital di Kota Marudu, dan langsung ke bangunan yang

menempatkan mayat. Daripada perbualan Nelena dan kawannya Nuim, diketahui bahawa ayah mereka meninggal dunia dan mereka datang untuk menuntut mayatnya. Ramai kaum keluarga telah ada di situ. Nelena sebenarnya diasak rasa bersalah kerana tidak mengambil cuti ketika ayahnya sedang nazak. Maka ketika ayahnya menghembuskan nafas yang terakhir, adik-beradiknya terpaksa pula menjemputnya di rumah. Hal ini menyebabkan timbulnya pelbagai emosi ketika dalam perjalanan tadi. Bahkan Nelena yang memaksa ayahnya dibawa ke hospital sehari sebelum ayahnya meninggal dunia, sehingga berjauhan dengan sanak keluarga ketika menghadapi saat akhir hidupnya.

Rasa bersalah terbuku di hati Nelena diberatkan oleh kekesalannya terhadap layanan tidak memuaskan pihak hospital terhadap ayahnya, malah seolah-olah tidak mengendahkan pesakit iaitu ayahnya. Masalah timbul lagi di hospital apabila terdapat polisi hospital yang menangguhkan pengambilan mayat ayah mereka. Mujur ada Adin abang sulung mereka yang tenang mendamaikan suasana. Akhirnya mayat ayah mereka dibawa pulang ke kampung Tinggaton dan dikebumikan dengan cara Kristian yang sempurna. Anggota keluarga berbahagi tugas dengan John menyelesaikan urusan Amanah saham Bumiputera (ASB), Nelena menguruskan pengeluaran wang mendiang ayahnya dan sebagainya. Akhirnya mereka bersatu kembali dan menghadapi kehilangan ayah mereka dengan hati yang tenang. Seperti cerpen pertama tadi, cerpen "Tangisan Sepi" ini juga menghidangkan sebuah karya yang sederhana dengan mengangkat kisah hubungan kekeluargaan dalam menghadapi saat paling sedih dalam hidup mereka iaitu kehilangan ayah yang menjadi asas kekeluargaan mereka selama ini. Cerpen ini dibumbui dengan teknik yang agak menarik dalam menggambarkan

pergolakan emosi Nelena disebabkan rasa bersalahnya. Namun Nelena sedar semuanya adalah kehendak takdir dan ketidakpedulian pihak hospital hanya sebahagian daripada takdir yang telah ditentukan dalam saat kepergian ayahnya. Cerpen ini berjaya memaparkan konflik emosi yang menarik perasaan ingin tahu pembaca dan memberikan gambaran tentang ikatan keluarga yang disemai dengan didikan ayah ibu kepada nilai dan tradisi hidup yang murni. Lebih daripada itu, cerpen ini secara tidak langsung menggambarkan suasana budaya masyarakat bumiputera Sabah yang mempunyai latar belakang budaya dan agama yang unik.

Kedua-dua buah cerpen ini hadir sebagai cerpen yang sederhana dari segi cerita dan persembahannya tetapi sepertimana yang diungkapkan berhasil menjadi cerpen yang menarik dan bermakna dalam kebersahajaannya. Merangkumi secara keseluruhan ulasan ini ialah bagaimana cerpen dapat mewujudkan suatu bentuk gambaran primer dalam memahami kehidupan dan budaya sesebuah masyarakat. Di sini terlihat kedua-dua buah cerpen yang mengangkat kisah kehidupan keluarga yang secara mikronya juga menggambarkan suasana kehidupan dan budaya masyarakatnya.

Daripada gambaran primer, yakni kisah dan pemerihalan suasana kekeluargaan tersebut dapat difahami serba sedikit tentang budaya, nilai dan norma yang wujud dalam masyarakatnya. Secara umumnya, cerpen yang melukiskan gambaran primer ini juga mampu berfungsi sebagai bahan untuk memahami budaya sesebuah masyarakat; terutamanya melihat dari sudut pergerakan emosi dan psikologi masyarakat tersebut. Kedua-dua buah cerpen ini walaupun sederhana dan bersahaja tetapi berjaya memanfaatkan kehadirannya sebagai karya sastera yang bermakna. **W**

Hubungi Kami | Maklumat Balas | Selesai Laman | Beta Laman | Bahasa | Melaf web | intranet | A A A

LAMAN WEB RASMI  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
*Institute of Language and Literature MALAYSIA*

Majlis Persempena Utama Pengembangan Bahasa dan Persuratan Melayu dalam Pembinaan Negara Bangsa | Malaysia | English

Selamat Datang Pelajar!

Laman Utama | Tentang DBP | Perkhidmatan | Karya dan Pengiklanan | DBP dan Masyarakat | Jalinan Kerjasama | Direktorat | WADAH

PENGENALAN

**Wadah** ialah bulanan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah sejak tahun 1986.

Melalui penerbitan bulatan ini, penulis-penulis tempatan yang terbuliti amat rajin menulis dan membuat penyelidikan dapat menyalurkan idea dan penemuan mereka kepada pembaca. Dalam usaha untuk mencapai matlamat yang disandarkan, bulatan ini telah diedarkan secara percuma kepada semua jabatan kerajaan persekutuan dan negeri, perpustakaan awam, negeri dan sekolah, institusi pengajaran tinggi serta masyarakat umum. Untuk mendapat naskhah bulatan ini, bolehlah berhubung di telefon 088-439260/314 atau melalui faksimile 088-439732/318.

**Wadah**

Wadah Jilid 28 Bil 1. Dis 2013  
(Sila klik untuk paparan penuh)

Koleksi Majalah

Rakyat

Citra

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kata Kata

PERCERAPAN

Altuan Pelanggaran

Cecair Laman

Koleksi Majalah

Rakyat

Guru Pelajar

Siswa

Orang Awam

Plakat Berlauza Tempatan

Warga DBP

Bantuan Dokumen

Borang

Grafar

Stuku

Poster

Gerbang Maya

Carian PRPM@DBP Malaysia

PUSAT RUJUKAN PERSURATAN MELAYU

Cari

Carian Spesifik

Layari majalah Wadah  
dalam laman sesawang  
<http://dbp.gov.my>

**Gerbang Maya**

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia

Carian PRPM@DBP Malaysia

PUSAT RUJUKAN PERSURATAN MELAYU

Cari

Carian Spesifik

Hanya di hujung jari ...  
<http://prpm.dbp.gov.my>

MUDAH CEPAT TEPAT

Pertandingan Menulis

# NOVEL REMAJA

2013



## HADIAH

- |                |              |
|----------------|--------------|
| Tempat Pertama | : RM7,000.00 |
| Tempat Kedua   | : RM5,000.00 |
| Tempat ketiga  | : RM3,000.00 |
| Sagu hati (5)  | : RM1,000.00 |

Anjuran



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
CAWANGAN SABAH

Tarikh Tutup  
31 Disember 2013

Pertandingan Menulis

# BUKU UMUM

Kategori Sejarah 2013/2014



## HADIAH

- |                |               |
|----------------|---------------|
| Tempat Pertama | : RM10,000.00 |
| Tempat Kedua   | : RM7,000.00  |
| Tempat ketiga  | : RM5,000.00  |
| Sagu hati (2)  | : RM2,000.00  |

Anjuran



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
CAWANGAN SABAH

Tarikh Tutup  
30 April 2014

Dapatkan borang penyertaan  
pertandingan daripada:

Urus Setia,  
Unit Penerbitan,  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sabah,  
88999 Kota Kinabalu.  
Tel.: 088-439315/316  
Faks: 088-439318/732